



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJAH SARIPAH BINTI EMBONG
(GURU PENCETUS KREATIVITI, PENJANA INOVASI)
TOKOH PENDIDIKAN

OLEH:

RAJA NURHAFIZAH BT RAJA AZMI 2018263096
NUR SHAFIKA NADIA BT NORHISAM 2018695648

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2020 – FEB 2021)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
HAJAH SARIPAH BINTI EMBONG
(GURU PENCETUS KREATIVITI, PENJANA INOVASI)
TOKOH PENDIDIKAN

OLEH:

RAJA NURHAFIZAH BT RAJA AZMI	2018263096
NUR SHAFIKA NADIA BT NORHISAM	2018695648

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalammualaikum warahmatullahhiwabarakatuh. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat nafikan bahawa terdapat pelbagai kekangan yang kami hadapi baik sebelum mahu pun selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang melanda.

Kami juga mengucapkan jutaan terima kasih terutamanya kepada Madam NurulAnnisa Binti Abdullah untuk subjek IMR604 Pendokumentasian Lisan yang telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada kami dari awal lagi sejak tugas ini diedarkan sehingga dalam proses menyiapkan tugas ini.

Tidak lupa juga kepada tokoh yang kami hormati, Hajah Saripah Binti Embong dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan di atas kesudian beliau memberi kerjasama serta berkongsu ilmu yang sangat bernilai dan bermakna buat kami.

Di samping itu, terima kasih kami ucapkan kepada ibu bapa kami yang telah banyak memberi dorongan sepanjang proses untuk menghasilkan serta penyiapkan projek pengdokumentasian lisan ini. Malah, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bertungkus-lumus menghasilkan tugas ini dan juga bertukar-tukar idea dalam membantu kami menyiapkan projek ini. Tanpa sokongan dan dorongan kalian mungkin tidak dapat kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Akhir kata, harapan kami agar dapat memberi manfaat kepada diri kami sendiri serta kepada pembaca hasil daripada projek pendokumentasian lisan ini.

Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA
	SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	ii
Abstrak.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv - v
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01 - 02
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan Tokoh.....	03 - 13
Bahagian 3: Sejarah dan Pengalaman Kerjaya Tokoh.....	14 - 25
Bahagian 4: Anugerah Tokoh	26 - 32
Bahagian 5: Sumbangan Tokoh	33 - 35
Bahagian 6: Harapan Tokoh.....	36 - 39
Rujukan.....	40
Lampiran	
Log Wawancara.....	42 - 47
Diari Kajian.....	48
Senarai soalan.....	49 - 55
Surat Perjanjian.....	56
Gambar.....	57 - 58
Indeks.....	59

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji Guru Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi iaitu Tokoh Pendidikan, Hajah Saripah Binti Embong. Permasalah kajian adalah untuk mengetahui latar belakang serta peranan dan sumbangan Hajah Saripah Binti Embong. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang, peranan, anugerah dan sumbangan tokoh. Bagi mengkaji tokoh ini, kaedah temubual dan rujukan telah digunakan. Dalam kajian ini, pengkaji menggabungkan antara kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Melalui kejadian ini, banyak peranan dan sumbangan yang telah disumbangkan oleh tokoh kepada pelajar, masyarakat dan negara. Di samping itu, tokoh juga memperoleh banyak kejayaan sehingga kini. Secara kesimpulannya, diharapkan peranan dan sumbangan tokoh berkaitan inovasi dapat dijadikan contoh dan motivasi untuk semua orang sekaligus juga dapat dijadikan satu panduan dan rujukan untuk pengkaji lain pada masa akan datang.*

Kata kunci: *Guru, Inovasi, Pendidikan, Tokoh, Sejarah lisan*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



1. BUTIR-BUTIR PERIBADI:

- 1.1 Nama : Hajah Saripah Binti Embong :
- 1.2 Umur :
- 1.3 Tarikh Lahir
- 1.4 Tempat lahir : Terengganu
- 1.5 Tempat Tinggal : Terengganu
- 1.6 Nama Ibu :
- 1.7 Nama Bapa :
- 1.8 Bilangan adik-beradik :
- 1.9 Anak ke berapa :

2. KELULUSAN AKADEMIK:

2.1 PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH

Tahun: 1971 – 1975

Institusi: Sekolah kebangsaan Pusat Bukit Besar, Terengganu.

2.2 SIJIL PELAJARAN RENDAH

Tahun : 1978

Institusi : Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Alam, Terengganu.

2.3 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

Tahun : 1980

Institusi : Sekolah Menengah Kebangsaan Panji Alam, Terengganu.

2.4 SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA

Tahun : 1982

Institusi : Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin, Terengganu.

2.5 DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (PJJ)

Tahun : 2001

Institusi : Universiti Teknologi MARA, Dungun, Terengganu.

2.6 IJAZAH SAINS MAKANAN

Tahun : 2005

Institusi : Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

3. PENGALAMAN PERKHIDMATAN:

3.1 Sekolah Menengah Agama Khairiah, Kuala Terengganu

Tahun : 1983 – 1991

3.2 Sekolah Menengah Agama Marang, Terengganu

Tahun : 1991 – 1997

3.3 Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu, Kuala Terengganu

Tahun : 1997 – 2017

3.4 Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Batu Burok, Kuala

Terengganu

Tahun : 2018 - Kini

PENGENALAN

PENGENALAN

Tokoh Pendidikan merupakan orang yang telah berjasa kepada negara dalam bidang pendidikan yang boleh dijadikan contoh kepada generasi kini dan akan datang. Kejayaan yang dicapai dan sumbangan yang dicurahkan kepada negara dapat dijadikan motivasi kepada semua lapisan masyarakat. Pengorbanan dan penat lelah mereka dalam mencerahkan bakti membangunkan negara terutamanya selepas negara mencapai kemerdekaan wajar dijadikan iktibar. Pendidik adalah sangat dihormati oleh masyarakat di sekelilingnya kerana guru dilihat sebagai individu yang berpengetahuan, secara tidak langsung guru merupakan "role model" kepada masyarakat dan kepada pelajar khususnya. Ciri-ciri guru yang berkesan, seorang pendidik mestilah sentiasa berusaha meningkatkan kualiti diri bagi membolehkan dirinya menjadi model kepada anak didiknya. Seorang pendidik mestilah mempunyai semangat dan kesungguhan menabur bakti agar berupaya membawa kelainan serta memberi wajah baru pada prestasi, imej dan kualiti guru.

Wawancara ini adalah berkaitan dengan seorang Guru Inovasi iaitu Hajah Saripah Binti Embong. Beliau merupakan guru di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin (SMAASZA) Kuala Terengganu. Beliau telah berkhidmat sebagai guru selama 38 tahun bermula 1983 dan mata pelajaran utama yang diajarnya ialah Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) selain subjek Schoolwide Enrichment Model (SEM), Sains, Matematik dan Teknologi Maklumat. Beliau merupakan seorang guru yang sangat bekerja keras dan rajin dalam menghasilkan sesuatu produk inovasi serta reka cipta. Beliau telah mendapat banyak kejayaan hasil daripada penciptaan produk inovasi dan reka cipta. Beliau juga telah mendapat anugerah yang berprestij dan merupakan penerima kedua daripada Malaysia iaitu Anugerah Princess Maha Chakri (APMC) daripada Negara Thailand pada tahun 2017. APMC adalah anugerah peringkat antarabangsa yang diberikan oleh Kerajaan Thailand kepada guru sekolah dari negara anggota SEAMEO (South ASEAN Minister Education Organization) yang berdedikasi dan menunjukkan pencapaian istimewa dalam bidang keguruan. Pengalaman, sumbangan dan kejayaan beliau dapat dijadikan motivasi kepada semua lapisan masyarakat.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang latar belakang, pengalaman hidup serta sumbangan seorang tokoh dalam bidang pendidikan. Bersama-sama kami ialah Cikgu Hajah Saripah Binti Embong yang merupakan seorang guru daripada sekolah di Kuala Terengganu. Beliau adalah guru yang telah mewakili Malaysia untuk menerima anugerah di Peringkat Antarabangsa iaitu Anugerah Princess Maha Chakri (APMC) di Thailand. Temubual ini merangkumi pengalaman, sumbangan dan pencapaian beliau sepanjang bergelar seorang guru. Hal ini kerana sejarah dan pengalaman kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang. Temubual ini dijalankan pada tarikh 02 Januari 2021 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 9 pagi hingga 12 tengah hari melalui platform sosial media iaitu Google meet. Hal ini adalah kerana Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan oleh penularan pandemik wabak Covid-19. Temubual ini dikendalikan oleh Raja Nurhafizah Raja Azmi dan Nur Shafika Nadia Norhisam. Berikut adalah hasil rakaman

Petunjuk:

HSE: Hajah Saripah Embong

NSN: Nur Shafika Nadia

RN: Raja Nurhafizah

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NSN : **Assalamualaikum Cikgu, bolehkah Cikgu ceritakan latar belakang Cikgu seperti nama penuh, tarikh lahir, tempat lahir, tempat tinggal dan asal?**

HSE : Waalaikumsalam, cikgu nama penuh Hajah Saripah Binti Embong, tarikh lahir Kuala Terengganu. Tempat tinggal sekarang pun sama di ,Kuala Terengganu.

NSN : **Berapakah umur Cikgu sekarang?**

HSE : Umur dah tua dah, nak pencen dah, __ (ketawa).

NSN : **Siapakah nama ibu dan ayah Cikgu?**

HSE : Nama ibu , nama arwah ayah .

NSN : **Berapakah bilangan adik beradik Cikgu?**

HSE : Kemudian, sebenarnya adik beradik cikgu lapan orang tapi dah meninggal dua orang, tinggal enam.

NSN : **Cikgu anak ke berapa dalam bilangan adik beradik?**

HSE : Cikgu anak ke . Lepas itu, dan cikgu menjaga ibu la sekarang ini, tinggal bersama ibu.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

- NSN : Mengenai sejarah pendidikan pula, bolehkah Cikgu ceritakan latar belakang pendidikan awal Cikgu ketika di sekolah rendah dan menengah seperti nama sekolah rendah dan tahun persekolahan, nama sekolah menengah dan tahun persekolahan, result PMR dan Result SPM?**
- HSE :** Latar belakang pendidikan awal, okay. Cikgu sebenarnya sekolah di sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Pusat Bukit Besar, Jalan Pasir Panjang tu tahun 1970 hingga 1975. Kemudian menyambung peringkat menengah di Sekolah Menengah Panji Alam. Sekarang nama baru dia Sekolah Menengah Kebangsaan Megat Panji Alam tahun 1976 sehingga 1980. Selepas SPM, cikgu sambung ke tingkatan 6 sekejap di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Midin, 1981 hingga 1982. Okay. *Lepastu* [selepas itu] pencapaian, ini (ambil ketawa) mujur ingat. Tapi, benda yang sejarah rasanya kita kena ingatkan? Okay, untuk result akademik cikgu biasa *je* [sahaja]. Kalau PMR dulu, dia tak panggil PMR masa itu, dia panggil SRP, Sijil Rendah Pelajaran. Masa itu cikgu dapat la, 14A, kemudian masa SPM pangkat 2 *je* [sahaja] (ambil ketawa) selepas itu, dah STPM, boleh lah. Setelah sambung belajar sendiri, cikgu dapat kelas 4 *principle* [perdana], sebelum itu dapat 2 *je* [sahaja], sebab masa itu tingkatan 6 aliran sains. Bila *dah* [sudah] sambung belajar sendiri dapatlah sijil penuh. Ambil sastera masa tu, persendirian. Dalam bidang kurikulum, biasa lah, cikgu ini sebenarnya nak kata aktif, aktif jugalah (ketawa) mewakili sekolah dalam kuiz. Semasa di Sekolah Panji Alam cikgu wakil pasukan ping pong perempuan. Eh, pasukan hoki masa itu. Ping Pong tidak kenal lagi masa itu. Hoki. Bola jaring tidak minat sebab dia terlalu agresif (ketawa). Hoki ini minat dan satu, satu *je* [sahaja] bahaya sikit lah sebab kalau kena bola hoki kayu hoki, bengkok habis kaki. Ada tanda sampai sekarang lagi, tulang itu bengkok kena bola (ambil ketawa) tapi seronok (ketawa). Kemudian, masa tingkatan 6 aktif lagi, wakil bahas, pasukan rumah, wakil rumah pemain pasukan bola tampar dan itulah tingkatan 6 kan, duduk asrama. Dia lain sikit jauh daripada keluarga (ketawa). Beri keputusan sendiri *je* [sahaja] buatkan.

- NSN : **Setiap pelajar mempunyai cita-cita. Apakah cita-cita Cikgu semasa di bangku sekolah?**
- HSE : Tanya cita-cita juga ini. Masa bangku sekolah hari tu, - arwah ayah cikgu tu seorang polis sukarela. Kalau dia pergi mana dia pakai baju polis itu kan, nampak macam oh *smartnya* [segak nya] (ketawa). Adalah masa itu cita-cita budak-budak kan. Nak jadi polis lah (ketawa). Okay. Sebab satu lagi saya tengok ayah ini dia berdisiplin. Sampai, dia memang berdisiplin dan tegas dan anak-anak ini takut tengok ayah (ketawa). Ayah *tak* [tidak] perlu cakap banyak. Dia jeling-jeling *je* [sahaja], kita tahu dah dia nak marah.
- NSN : **Apakah kenangan manis dan pahit sepanjang zaman persekolahan?**
- HSE : Kenangan manis antaranya cikgu selalu dapat nombor terbaik dalam periksa sebenarnya. Biasanya dapat nombor 1 hingga nombor 4 sahaja. Paling tinggi (ketawa). Memang adik-beradik cikgu macam itu 2, 3 orang - selalu bersaing sebenarnya (ketawa). Kemudian, masa tingkatan 1 hingga 3, memang terbaik lah. Pernah dapat terbaik tingkatan, nombor 1 tingkatan dan yang pahitnya-- sampai sekarang ingat lagi. Masa sekolah rendah, cikgu memang antara yang terbaik kan nombor 1 hingga nombor 4. Masa itu sekolah rendah kalau dapat 2A itu kira bagus lah sebab kita sekolah biasakan. Sekolah *dekat* [di] kampung. Jadi, semua kawan cikgu dapat sambung ke asrama, cikgu seorang *je* [sahaja] tak dapat sambung ke asrama. Memang sedih la masa itu. Rasanya kawan cikgu sambung di sekolah SS. Sekolah-sekolah asrama penuh masa itu, zaman-zaman lama dulu yang hebat-hebat, Sri Puteri ke Tun Fatimah. Cikgu seorang *je* [sahaja] pergi sekolah Panji Alam. Sedih lah masa itu. Lepastu, masa SPM pun sekali lagi, selepas result SPM itu ramai sahaja kawan-kawan cikgu yang dapat pangkat 2 sama sahaja, yang ni dapat pergi sini, yang ini dapat pergi sini. Cikgu *sorang* [seorang] sahaja pergi Sekolah Padang Midin naik Tingkatan 6 (ketawa). Memang sedih lah. Mungkin salah isi borang *tak tau* [tidak tahu] lah. Yelah, zaman dulu kan panduan semua mungkin tersilap isi, tidak ada rezeki. Kita fikir yang itu *je* [sahaja]. Dia ada (ketawa) rezeki saya kut belah lain. Okay.

- NSN : Selepas menamatkan zaman persekolahan, di manakah Cikgu menyambung pelajaran?**
- HSE : Selepas tamat sekolah, cikgu dapat selepas STPM itu kan cikgu dapat sambung ke UiTM Shah Alam, dalam bidang sains, diploma sains (ketawa). Selepas itu, masa tu juga cikgu adalah isi borang guru, kerja guru masa itu sekolah agama. Jadi masa itu jugalah dapat tawaran untuk jawatan guru itu, jadi kami terpaksa pilihlah, keluarga pilih apa yang terbaik. Jadi mereka konon *meeting* [perjumpaan], meeting betul, meeting untuk cikgu tahu tak, malam raya (ketawa). *Meeting* [mesyuarat] untuk cikgu tentukan cikgu nak pergi mana. Abang dia kata, “Tak payah pergilah Shah Alam, jauh”. Sebab dia kata, cikgu *tak* [tidak] pernah keluar negeri kan maknanya dia takut masa itu, macam-macam kan kes masa itu adakan? Pengangguran banyak masa itu kan? Jadi dia kata, “Tak *pe* [apa] lah, cikgu jelah” dia kata. “Nampak berjamin sikit” dia kata. *Se lagi* [satu lagi], dia takut macam saya duduk Shah Alam tanpa keluarga kan. Jadi cikgu pun okay lah, terima. Terima keputusan keluarga jadilah guru sekolah agama, Negeri Terengganu. Mula tahun 1983.
- NSN : Adakah Cikgu mendapat latihan perguruan ataupun menyambung pelajaran di peringkat universiti?**
- HSE : Masa itu, cikgu tidak ada latihan perguruan cuma ada masa mula-mula kerja itu dihantar lah dalam 2 minggu 2 kali. Masa itu cikgu-cikgu sekolah agama memang dihantar di situ untuk kursus di Fakulti Pendidikan. Sekarang baru cikgu tahu bahawa iaitu adalah latihan iktisas untuk - cikgu-cikgu sekolah agama. Masa tu, orang *tak* [tidak] hirau pun, sebab sijil *je* [sahaja]. Sebenarnya, bila nazir datang baru ini untuk cikgu pohon Guru Cemerlang baru ini, dia kata itulah iktisas cikgu sebenarnya walaupun di sela- tempoh yang pendek, tapi cikgu dah dapat sijil, 2 sijil.

- NSN : **Mengapa Cikgu mengambil kursus tersebut pilihan sendiri ataupun keluarga?**
- HSE : Pilihan sendiri. Slip tawaran itu cikgu simpan sampai sekarang ada lagi, kuning dah warna. Selepas itu, cikgu simpan juga *medical check-up* [pemeriksaan kesihatan] (ketawa). Azam cikgu, nak sambung juga UiTM. Sehingga cikgu minta sendiri. Masa kerja itu cikgu isilah borang untuk PJJ, mengarang sendiri masa itu *student* [pelajar] UiTM kena, masa nak mohon kena mengarang, bahasa Inggeris buat karangan. Cikgu buat sendiri karangan, tak tahu macam mana datang idea. Buat sendiri hantar sehingga dapat sambung PJJ [Pembelajaran Jarak Jauh]. Akhirnya sambung juga UiTM (ketawa). Walaupun secara jarak jauh.
- NSN : **Dan apakah kursus yang diambil oleh Cikgu sewaktu menyambung pengajian dan berapa lamakah tempoh pengajian Cikgu?**
- HSE : Kalau tadi masa diploma, *business studies* [pengajian perniagaan]. Tempoh, dia sebab PJJ kan, 4 tahun. Sebab hari minggu *je* [sahaja] kan pergi.
- NSN : **Bagaimakah cara pembelajaran Cikgu semasa di universiti?**
- HSE : Berbeza lah sebab tu PJJ [Pembelajaran Jarak Jauh] dan satu lagi sepenuh masa kan. Kalau masa PJJ, kita pergi kursus, kita pergi kelas hari Jumaat, kadang-kadang *je* [sahaja] hari Sabtu. Hari Jumaat itu, subuh sebelum subuh kadang-kadang turun dah, sampai sana memang padat lah kelas dia daripada pukul 8 tu berhenti-berhenti solat Jumaat, sambung lagi kadang-kadang sampai pukul 7, dekat maghrib baru balik. Penuh, berhenti makan *je*, solat. Memang kiranya *tough* [susah] la orang tua-tua tak apa, orang tua-tua rajin sebenarnya belajar. Kemudian, jadi, jumpa *lecturer* [pensyarah] sekali *je* [sahaja] sebulan, yang lain itu kita pakai call-- [telefon] *jelah* [sahaja lah]. Kalau yang -- susah juga kita pergi hari mingguan, *lecturer* [pensyarah] bukannya semua ada situ. Jadi kita

ada kelas, kita ada kerja. Jadi, tak susa- tak senang lah nak jumpa *lecturer* [pensyarah] ni. Jadi, telefon lah. Cara pembelajaran kita ada group study, dan di Universiti, di UMT memang lah kita ada group. Universiti di UMT lagi lah tough, cikgu *sorang* [seorang] *je* [sahaja] *student* [pelajar] lama. Belajar banyak belajar sendiri. Ada grup, grup *study* [belajar]. Kawan-kawan pun membantu, dan memang saya ramai tu, anak-anak sedara, kawan-kawan yang guru-guru hebat-hebat. Turut membantu lah. Buat apa-apa dia semak, dia tolong cek, minta idea apa-apa.

NSN : Adakah Cikgu pernah mendapat sebarang anugerah sepanjang pengajian?

HSE : ‘Sem’ pertama masa di UMT [Universiti Malaysia Terengganu], cikgu *dah* [sudah] dapat tawaran Key Club. Tapi kenapa malam itu saya *tak* [tidak] pergi, masa majlis. *Tak* [tidak] tahu sebab apa (ketawa). *Tak* [tidak] pergi masa tu, tapi sampai sekarang simpan surat tawaran. Lepastu, masa itu dia 15 peratus daripada *student* [pelajar] UMT dia tawarkan kelab. *Lepastu* [selepas itu], setiap sem okaylah sehingga ada satu sem cikgu macam rendah sikit kurang daripada 3 lah sebab masa itu cikgu selalu berulang ke hospital jaga ayah. Dia 2 bulan masa itu dia koma. Jadi, masa sem itu kurang daripada 3 jadi sem akhir itu cikgu dapat anugerah dekan, sem akhir tetapi tak dapat lah yang kumulatif itu sebab ada 1 sem yang dapat 2 lebihkan, 2.9. Jadi, dapatlah 3.3 (ketawa). Cukup lah itu orang tua belajar.

RN : Tawaran Key Club itu macam mana Cikgu?

HSE : Key Club ini untuk *student-student* [pelajar] cemerlang di UMT masa itu. 15 peratus *je* [sahaja] student yang terpilih, dapat result yang terbaik. Pernah lah, tapi macam mana cikgu tak, *tak tau* [tidak tahu] lah kenapa tak ingat dah, cerita lama dah kan.

- NSN : Adakah Cikgu menerima Biasiswa ketika pengajian di Universiti?**
- HSE : Tidak, cikgu *tak* [tidak] pernah dapat biasiswa sebab *tak* [tidak] pernah mohon pun. Belajar sepenuh masa, separuh gaji. PJJ [Pembelajaran Jarak Jauh] dia *tak* [tidak] itu kan, dia PJJ *je* [sahaja]. Jadi kalau belajar separuh gaji, perit juga sebab yuran kursus cikgu ambil itu kos yang paling mahal - yuran dia. Kalau orang lain 1000 lebih, kita dah 2000 masa itu, 1 sem sebab kita banyak amali. Kos ini banyak amali, Sains Makanan. Macam-macam amali ada. Amali makanan, amali teknologi, kimia, mikrobiologi, produk *development* [pembangunan], buat menu, penyediaan makanan. Cikgu *tak* [tidak] tahu kenapa cikgu pilih yang itu. Sebenarnya ikut kawan (ketawa). Jadi, kalau ada masa saya cerita lah. Perit jugalah belajar Sains Makanan ni. Jadi, banyak duit sendiri lah, *tak* [tidak] minta biasiswa. Susah juga nak minta pinjaman pun, nak kena bayar pula kan. PTPTN kan, tak minta.
- NSN : Semasa belajar di Universiti adakah Cikgu ada melakukan kerja sampingan diluar dan apakah tujuan Cikgu melakukan kerja tersebut?**
- HSE : Semasa di universiti, antaranya lah banyak yang saya ingat lah, sebab ada gambar. Kajian di Lembah Belum. Semua *student* [pelajar] Sains Makanan pergi ke Lembah Belum di Gerik, Perak, 2004. Masa itu, kita buat kajian ke atas taraf kesihatan orang asli. Ambil data makan dia, diet dia, ambil data tinggi berat, *blood pressure* [tekanan darah], kolestrol masa tu, penat lah. Kan dia kan, tasik. Macam tasik kenyir itukan. Selepas itu, cikgu juga bantu kawan cikgu. Dia--Cikgu buat kajian kepada staf UMT. Kajian, kesan Puasa Ramadhan terhadap Profil Lipid ke atas 70 kakitangan UMT, pekerja dan juga *lecturer* [pensyarah]. Jaga, semua cikgu buat, 70 orang. Sebab itu, cikgu ramai kenal staf UMT. Kemudian, bantu kawan cikgu sebab dia dapat topik ke atas *student* [pelajar], kajian yang lebih kurang sama tapi bukan kesan Puasa Ramadhan, dia kaji tentang status *student* [pelajar] ini. Kita sama lah cek blood pressure semua,

kolesterol ke atas 3 buah sekolah lah. *Student* [pelajar] tingkatan 1 hingga 3 Sekolah Imtiaz, Sekolah Panji Alam, Sekolah Syed Abdul Malik. Saya bantu kawan, dia bekas *student* [pelajar] Syed Abdul Malik. Dia *best student* [pelajar cemerlang], untuk kelas saya, budak itu.

Selain daripada buat kajian, cikgu juga sampingan sebagai pengurus jurulatih pasukan bola jaring, Terengganu untuk ke kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Menengah Agama Terengganu. Kebetulan lah, kawan cikgu itu *ajak* [pelawa], jadi cikgu pergi itu program sukan itu pada cuti semester. Jadi, sempatlah 3 kan belajar 3 tahun, 3 tempat sempat pergi. Belajar, belajar. Sumbangan untuk sekolah tetap ada. Ada setengah itu balik ke sekolah mengajar, malam. Pengetua kata “Cikgu mari balik mengajar sekolah ini. *Student* [pelajar] nak periksa ni”. Cikgu tinggal itukan masuk UMT bulan 6, jadi, akhir tahunkan. Budak nak belajar untuk PMR kan, cikgu balik mengajar ke sekolah. Setiap tahun itu cikgu balik mengajar. Tidak tinggal lah student. — — — —

- NSN : Semasa bergelar seorang pelajar, apakah cabaran yang dihadapi oleh Cikgu dan bagaimana Cikgu mengatasi cabaran tersebut?**
- HSE :** Cabaran yang pertama, cikgu ini ada 4 sini (menunjuk kertas). Yang pertama, kewangan. Sebab separuh gaji, masa PJJ tak berapa rasa lagi, sebab dia hanya hujung minggu *je* [sahaja] kan. Masa sepenuh masa itu lah, separuh gaji dengan kos yuran yang tinggi. Selepas itu, banyak kerja amali jadi banyak guna duit lah. Buat produk dan sebagainya. Okay, selepas itu, banyak amali kerja kumpulan habis kelas pun balik lewat, sebab cikgu berulang daripada Bukit Besar ke UMT, Gong Badak berulang-alik dari rumah. Caranya cikgu, bawa bekal lah selepas itu, solat pun berehat pun sekitar masjid UMT. Di antaranya masjid Padang Nanas, Masjid Kuza. Masjid Kuza itu sediakan tempat mandi semuakan. Senang. Selepas itu, nak cari maklumat guna cybercafe, *library* [perpustakaan], rumah rakan itu, rakan cina pun cikgu pergi duduk rumah dia. Selepas itu, pernah tidur di asrama, sebab kerja kumpulan kan. Selepas itu, biasa cikgu balik daripada UMT kadang-kadang pukul 1 pagi, balik seorang diri daripada UMT.

Pagi esok pergi pula. Tapi macam sebab kita dah minat belajar, jadi macam gagah lah, boleh je kejar masa macam tu] Selepas itu, masa PJJ itu dulu masa berulang-alik ke UiTM itu, pada masa yang sama cikgu menjadi warden asrama KOSPINT. Masa itu seorang diri warden. Masa itu juga cikgu ada sedikit lah masalah kesihatan, *tak* [tidak] boleh naik turun tangga banyak-banyak, *stress* [tekanan]. Lepastu, jadi warden seorang diri. Bayangkan lah. Sebuah asrama, semua saya jaga tapi anak murid cikgu bagus. Walaupun cikgu pergi ke Dungun subuh itu kan, balik maghrib tiada kes. Budak-budak ni memang baik. Orang pun pelik “Macam mana cikgu, warden tiada di asrama, tapi pelajar *tak* [tidak] ada buat kes asrama”. (Sambil ketawa) sebenarnya cikgu *bekeng* [garang]. Budak-budak baikkan, dia tahu masalah cikgu dia sebenarnya. Okay. Kemudian, semasa di UMT juga, cikgu seorang *je* [sahaja] murid tua situ, yang lain, pelajar-pelajar cikgu sama tua, masa itu kawan-kawan lepasan tingkatan 6, pelajar chinese itu semua lepasan tingkatan 6. Selepas itu, yang Melayu lepasan Matrikulasi. Tapi cikgu baik dengan student cina sebab mereka lebih fokus. Selepas itu, banyak membantu kebetulan semasa cikgu tingkatan 6, aliran sains jadi banyak membantu cikgu masa buat *report* [laporan] dan sebagainya.

- NSN : Dan impak cabaran tersebut dalam kehidupan Cikgu semasa belajar di Universiti?**
- HSE :** Impaknya sehingga sekarang, impaknya apabila kembali mengajar cikgu jadi cikgu lain. Cikgu jadi suka buat benda lain yang orang tak buat (ketawa). Reka macam-macam lepastu, satu yang istimewa, cikgu senang tarik minat *student* [pelajar] sebab cikgu selalu suka ‘mencerita’ ‘bercerita’. Cerita pengalaman, kalau kelas cikgu “Cikgu cerita apa harini?” selalu cerita masa belajar lah, susah senang masa belajar. Bangunan tak besar, maknanya perjalanan dari kelas ke kelas macam tu. Cikgu belajar dengan beg berat lagi, nasib baik cikgu ada kereta, *nak* [hendak] pergi bangunan ke bangunan kan, kuliah kuliah itu jalan situ jauh-jauh. “Awak senang je mari, malas juga nak bawa buku berat-berat” saya kata begitu lah ke budak-budak (ketawa). Banyak cerita lah, okay. Selepas

itu, dengan semua-semua ini cikgu jadi entah buat benda-benda yang selalu dapat anugerah lah. Sebab selalu buat benda. Lepastu, reka masuk bertanding. Dapatlah anugerah-anugerah.

- NSN : **Bolehkan Cikgu menceritakan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dan ayah ketika Cikgu dan adik beradik melanjutkan pelajaran?**
- HSE : Keluarga cikgu, keluarga sederhana. Mak tidak bekerja, arwah ayah ni kerja hospital. Mereka ini biasalah kalau untuk adik beradik, korban lah jual tanah ke. Selepas itu, alhamdulilah lah adik beradik cikgu ada dapat biasiswa, pinjaman. Jadi, yang sulung dah bekerja, yang sulung ini lah banyak membantu adik beradik walaupun dia seorang *je* [sahaja] tidak ke universiti. Dia seronok tengok adik-adik dia, berkorban untuk adik-adik.
- NSN : **Apakah salah satu ungkapan nasihat yang selalu terukir di bibir kedua ibu bapa Cikgu?**
- HSE : Macam cikgu kata tadilah, ayah cikgu ni dia *tak* [tidak] berapa cakap banyak, dia jeling-jeling je anak-anak dia. Dia jeling *dah* [sudah] tahu dia nak marah ke, apa ke. Dalam mendidik, mereka tegas sebab kami tengok ayah ini macam dia banyak buat sumbangan kepada masyarakat. Dia seorang Qari Tilawah, lepastu dia bilal sukarela, dia polis sukarela. Selalu buat sumbangan tabung darah, derma darah lepas itu, mak pula suri rumah tapi boleh mengaji al-quran dan pandai membaca. Nasihat mereka macam biasa lah, “Belajar molek-molek deh, buat sungguh-sungguh” Buat *biar* [sampai] kita puas hati. Teliti *se* [satu] lagi, mereka ajar buat kerja jangan buat main-main.
- NSN : **Pernah Cikgu mengikuti pembelajaran jarak jauh?**
- HSE : Cikgu dah kata tadi *business studies* [pengajian perniagaan] di UiTM Dungun. Masa tu, ada 2 *je* [sahaja] pilihan, 1 *business studies* [pengajian perniagaan], 1 lagi pentadbiran awam. Cikgu *tak* [tidak] minat sejarah. Geografi okay lah,

undang-undang pun tak suka. Jadi, kena pilih *business* [perniagaan]. Jadi graduasi, 2001.

- NSN : **Apakah tahap pendidikan tertinggi Cikgu dan adakah Cikgu masih ingin melanjutkan pelajaran?**
- HSE : Ijazah Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) dari UMT. Memang ada hasrat daripada dulu lagi, lepas habis belajar, dapat tawaran. *Lecturer* [Pensyarah] kata “Okay, cikgu sambung” macam-macam lah suruh sambung, masing-masing, “*Tak pe*[tidak apa], saya *support* (sokong)” yang itu “Aambil *management* [pengurusan] cikgu”, “Cikgu pergi UK [United Kingdom]”. Saya kata, “Saya terikat dengan cikgu” sebab separuh gajikan. Perjanjian dia 5 tahun, balik mengajar dulu. *Lepas tu* [selepas itu], baru boleh nak kerja lain ke, nak buat benda lain. Jadi, sekat lah situ. Dah 5 tahun kerja, jadi malas lah sikit. Kekangan masa lepas tu, dah tua dah, simpan duit lah untuk komitmen lain pula. Sebab bila buat inovasi, memang banyak guna duit. Bukan hanya duit sekolah yang keluarkan, duit daripada sumbangan, duit cikgu sendiri banyak guna untuk bawa student untuk pertandingan. Jadi macam mana kita *nak* [hendak] simpan duit kan. Jadi *tak* [tidak] payah belajarlah, (ketawa) beri peluang ke orang lain.
- NSN : **Bolehkah Cikgu berkongsi sedikit rahsia kejayaan dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap tertinggi?**
- HSE : Mesti rajin. Bersemangat. Berdisiplin. Patuh. Baik dengan keluarga. Amalan agama harian. Lepas itu, bangun malam untuk beramal. Bangun malam memang susah, tapi kena buatlah. Ngaji al-quran memang dah, lepastu hafal lah surah-surah, hafal surah yang penting-penting, ayat tertentu. Lepas itu, kena tolong orang. Kena selalu tolong orang, jaga makan, tidur jangan banyak sambil ketawa berkata, cikgu kurang tidur. Selepas itu, jangan amal tidur siang terutama lepas subuh dan selepas asar. Kenapa lepas asar *tak* [tidak] digalakkan? Memang ada

hadiskan. *Tak* [tidak] digalakkan kita tidur selepas asar, sebab bagi cikgu, betul. Ada cikgu baca, selepas asar otak kita memang kreatif masa itu, kalau nak buat reka-reka cipta fikir lah masa itu. Dan cikgu amal benda itu sebenarnya. Kadang-kadang idea cikgu datang pukul 6.00, 6:30. Jadi, memang rugi lah kalau tidur. Itulah petuanya.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: SEJARAH DAN PENGALAMAN KERJAYA TOKOH

NSN : Baiklah Cikgu. Seterusnya kita akan pergi ke bahagian sejarah dan pengalaman kerjaya. Bolehkah Cikgu ceritakan pekerjaan awal Cikgu sebelum Cikgu menjadi guru?

HSE : Tiada. Lepas belajar, terus jadi guru.

NSN : Dimanakah Cikgu bekerja dan pada tahun bilakah Cikgu bekerja ketika itu?

HSE : Tiada.

NSN : Bilakah Cikgu mula menjadi seorang guru dan tahun berapakah Cikgu bekerja pada ketika itu?

HSE : 15 September 1983.

NSN : Dan di sekolah manakah Cikgu mula mengajar?

HSE : Di Sekolah Agama Khairiah, Kuala Terengganu. Tahu kan sekolah itu dekat mana? Gong Kapas. Sekolah paling cantik, selalu menang pertandingan keceriaan, SMA Khairiah.

NSN : Bolehkah Cikgu ceritakan pengalaman Cikgu mula-mula bekerja ketika itu?

HSE : Masa cikgu mula kerja, umur cikgu 20 tahun. Tidak tahu benda satu. Tiada pengalaman. Tapi, semua cikgu lamakan dia suruh buat *pape* [apa-apa], cikgu ikut *je* [sahaja]. *Lepastu* [selepas itu], alhamdulillah cara mengajar itu, cikgu dah ada kakak dan abang yang jadi cikgu kan, banyak tanya situ lah. Tanya abang, tanya kakak. Selepas itu, ada mak sepupu tanya dia. Itu dapat pengalaman, naak

mengajar macam mana, nak buat kerja macam mana. Kena banyak bertanya.

- NSN : **Siapakah yang menjadi dorongan untuk Cikgu menceburi bidang perguruan?**
- HSE : Ahli keluarga. Sebab ahli keluarga cikgu, selain daripada cikgu abang, kakak juga guru dan adalah bapa-bapa sepupu dua tiga orang jadi guru. Dalam rumah-keliling rumah memang ramai cikgu. Adik beradik, sepupu pun ada, ramai guru.
- NSN : **Berapa lama Cikgu telah berada dalam bidang pendidikan?**
- HSE : 37 tahun. Tahun Ini dah masuk 38. - Kalau habis 2 tahun, insyaallah, kalau panjang umur, 2023 sampai 60. Kalau gagah lah. Kalau rasa *tak* [tidak] *larat* [bertenaga] dah, kita mintalah, pohon bersara.
- NSN : **Adakah Cikgu masih mengajar di sekolah yang sama atau sudah ditukarkan ke sekolah lain?**
- HSE : Tidak. Sudah 4 sekolah. Yang pertama tadi, Sekolah Khairiah, 1991 ditukar ke Marang, SMA Marang. *Lepastu* [selepas itu], duduk sana 6 tahun, di Khairiah 8 tahun. Di Marang 6 tahun, 1997 di pilih sebagai guru perintis. 24 orang untuk membangunkan Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu di panggil KOSPINT. Sekarang KOSPINT di Serada ini dah ditukar nama kepada Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu, Kuala Terengganu. Imtiaz kan setiap daerah adakan. Jadi, untuk kuala Terengganu dia ambil KOSPINT tu jadi Sekolah Imtiaz. 20 tahun di KOSPINT ni, di SMAASZA ini mulai 1 Januari 2018. Jadi, 4 buah sekolah.
- NSN : **Jelaskan serba sedikit tentang pengalaman mengajar di sekolah-sekolah lepas dan sekolah sekarang.**
- HSE : 2 buah sekolah sebelum itu, sekolah asrama penuh. Bukan asrama penuh,

Marang dan Khairiah kan. Lepastu, 2 lagi itu asmara penuh, Imtiaz dan SMAASZA. Yang berasrama penuh, murid terpilih macam Imtiaz dengan SMAASZA ini kan. Tapi di Imtiaz, dia belajar Al-Quran hafazan, banyak subjek. SMAASZA ini, dia ada 1 kelas *je* [sahaja] setiap tingkatan untuk hafazan. Jadi, status murid itu berbeza. Tapi cikgu anggap setiap murid cikgu, sama *je* [sahaja]. Tengok kadang-kadang, ada pelajar di Marang dan Khairiah itu hebat dari segi perangai, tingkah laku kadang-kadang, cara belajar. Kadang-kadang, cikgu selalu buat perbandingan “Anak murid Cikgu di Khairiah, di Marang boleh buat *je* [sahaja] benda ini, kenapa awak *tak* [tidak] boleh buat?” (ketawa). Saya rasa atas kita, atas cikgu mengajar. Budak kan, bukan semua dia pandai pun. Tugas cikgu lah, untuk membimbing budak itu. Jadi, status berbeza cikgu anggap sama, yang penting mereka bersungguh. Kalau mereka bersungguh, rasa nak mengajar itu teruja lebih lagi. Jadi, antara 4 buah sekolah ini semua ada kenangan belaka, semua ada kejayaan. Kalau di Marang, Khairiah dulu selain daripada subjek, kurikulum orang kata, “Cikgu, masuk *je* [sahaja], mesti menang.” Yang penting kita kena usaha, kena berilmu lah, belajar. Cikgu memang aktif dalam kurikulum. Cikgu membimbing murid, dalam pelbagai bidang, maknanya bukan hanya sukan, musabaqah, badan beruniform dan kelab persatuan. Selalu mencapai kejayaan sehingga peringkat kebangsaan. Lepas itu, bermula 2014 cikgu mula berjaya di peringkat antarabangsa dalam dan luar negara. Di KOSPINT dan Imtiaz ini, kejayaan subjek cikgu ajar kerap mencapai 100 peratus A. Masa mula-mula KOSPINT ambil PMR 1998 itu, subjek yang cikgu ajar dah 100 peratus A. Masa itu, 80 soalan. Sekarang dah 60, sikit *je* [sahaja]. Bila dah dapat kejayaan banyak ini, cikgu dilantik lah, dapatlah jawatan Guru Cemerlang dari 2010 hingga 2016. Guru GC dia panggil. Guru cemerlang ini, bukan anugerah yang APC [Anugerah Perkhidmatan Cemerlang] tu. Jawatan guru cemerlang. Ada elau la.

NSN : Nyatakan jawatan yang telah disandang oleh Cikgu sepanjang tempoh perkhidmatan.

HSE : Antaranya ketua bidang, vokasional dan teknik. Masatu, dipanggil Teknik Vokasional. Guru Cemerlang serta Setiausaha Makmal Komputer. Cikgu bangunkan makmal komputer daripada Khairiah lagi, Selepas itu, ditukarkan ke Marang, bangunkan makmal computer di Marang, sehingga dipilih ke KOSPINT itu untuk membangunkan makmal komputer KOSPINT pula. Selain daripada makmal komputer, cikgu membangunkan bengkel. Tugas besar masa itu. Kemudian, cikgu jadi Setiausaha Unit Dokumentasi Sekolah, Setiausaha Unit Penyelenggaraan. Sekali *je* [sahaja] cikgu pegang guru kelas di KOSPINT 2014. *Tak* [tidak] pernah pegang kelas. Masa di Khairiah adalah, masa awal-awal kerja, memang pegang kelas la. Tapi, di KOSPINT, sekali *je*[sahaja] pegang kelas. Sekarang tak pegang dah kelas. Kemudian, Penyelaras Kokurikulum, Pengarah Projek PMR, Penyelaras Galeri Sekolah, Penasihat Kelab Komputer. Kelab Komputer ini, siap-siap ada pelembagaan, ada buku lagi dan makmal komputer kita selalu jadi pusat latihan kakitangan kerajaan Terengganu di KOSPINT itu. Tempat kem-kem komputer. Lepas itu, cikgu pernah lah jadi fasi-fasi lah. Sekarang ini, teknologi komputer dah kira canggih. Tapi, alhamdulillah dari pengalaman cikgu itu banyak membantu lah cikgu untuk mengajar sekarang. Buat video sendiri boleh buat laman blog sendiri, boleh buat video subjek dan sebagainya. Lepastu, badan beruniform, Puteri Islam, Bulan Sabit. Sekarang cikgu AJK [Ahli Jawatankuasa] daerah Pergerakan Puteri Islam Daerah Kuala Terengganu. Lepastu, cikgu suka sukan kan, selain daripada bola jaring, cikgu juga jurulatih Ping Pong. Jurulatih Ping Pong paling lama sehingga cikgu sendiri pun main ping pong wakil Jabatan sehingga Peringkat Kebangsaan tahun 2007 dapat naik johan peringkat Kebangsaan. Cikgu main *double* [beregu] masa itu. Cikgu juga jurulatih bola tampar, nasyid, warden asrama dan sebagainya lah.

NSN : **Apakah jawatan yang paling lama Cikgu pernah pegang sepanjang menjadi seorang guru dan berapa lamakah Cikgu memegang jawatan tersebut?**

HSE : Ketua bidang. Sebab dia Imtiaz walaupun cikgu bukannya DG tinggi, tapi dia Imtiaz dia tengok dari segi senioriti lah. Macam pengalaman. Masa itu cikgu dapat jadi ketua bidang atas lantikan. Biasanya yang lain-lain semua orang degree-degree, cikgu lambat sikit naik dapat DG untuk ijazah walaupun cikgu graduasi 2005. Tapi ada masalah perjawatan cikgu dapat DG 42, tahun 2015. Yang sebelum itu macam cikgu bukan ijazah lah. Dianggap begitu. Tapi, jadi Ketua Bidang.

NSN : Apakah cabaran Cikgu ketika memegang jawatan tersebut?

HSE : Menguruskan bengkel yang banyak, perbelanjaan, peningkatan subjek dan membantu pengurusan sekolah. Pada masa yang sama juga, cikgu jadi guru cemerlang. Kalau pegang guru cemerlang, dia tidak boleh dah buat kerja pengurusan sepatutnya. Tapi pengurusan sekolah tidak lepas, cikgu tetap pegang juga ketua bidang. Pening juga lah dua kerja besar kan.

NSN : Apakah mata pelajaran utama yang diajar oleh Cikgu?

HSE : Subjek utama Kemahiran Hidup, sekarang Sains lebih banyak mengajar daripada kemahiran hidup. Sekarang, kemahiran hidup sudah tiada, diganti dengan RBT [Reka Bentuk dan Teknologi]. Sudah 3 tahun subjek RBT ini. RBT tidak banyak kelas, macam Sains sekarang ini. Tapi, cikgu memang *major* [utama] Sains, Matematik masa mula-mula mengajar. Memang subjek itu *je* [sahaja] mula hari itu.

NSN : Di antara semua mata pelajaran tersebut yang manakah Cikgu rasa paling mencabar untuk mengajar kepada murid-murid?

HSE : Di antara semua subjek yang mencabar, RBT [Reka Bentuk dan Teknologi] sebab RBT banyak baru kan, dia tak sama macam dulu, pelajar belajar *coding* [pengekodan], belajar reka cipta. Nasib baik lah ni cikgu selalu juga buat reka

cipta. Yang masalahnya, sebab dia ada kena belajar elektrik, elektronik lebih *detail* [terperinci] lagi. Boleh buat pengaturcaraan. Masalahnya sebab alatan lah, kita *tak* [tidak] boleh beli banyakkan, benda mahal-mahal. Lepastu, masa untuk cikgu untuk mencari, memahirkan diri itu, tiada. Sebab cikgu belajar sains banyak. Jadi, itulah cabaran cikgu.

NSN : Bagaimakah cara penyampaian atau proses PdP berjalan?

HSE : Cikgu banyak guna konsep ‘Fun Learning’. Belajar secara suka-suka, *happy* [gembira]. Cikgu tak boleh tengok budak pendiam dalam kelas. Budak pendiam akan jadi masa untuk bercakap. Selepas itu, projek. Selalu buat projek dan juga ‘Problem Based Learning’. Cikgu galakkan murid selesaikan masalah. Beri masalah, suruh mereka selesaikan. Mereka buat sesuatu lah, buat projek, buat pameran. Tahun 2019 itu cikgu buat pameran, sempena Asian Young Investors. Ini program kolaborasi dengan Sekolah di Sri Pitaya School di Selatan Thailand. Satu lagi sekolah SMK Taman Bukit Maluri. Kita *collaborated* [bekerjasama] tiga ini, cikgu bombing lah, sebenarnya, banyak idea dari cikgu sebab pelajar baru kan, sekolah Imtiaz dia lain sebab dia dah belajar masa program Ulul Albab. Dia dah belajar *research* [penyelidikan], dia dah belajar mencipta 6 bulan. Tapi di SMAASZA, dia tiada subjek itu, jadi cikgu terpaksa bimbing. Cikgu reka dulu, minta mereka buat dan *present* [bentang]. Jadi, sempat lah buat pameran dalam dewan. Jadi, cikgu gabungkan idea daripada inovasi dan konsep sains mereka belajar tingkatan 1. Contoh la, katakan cikgu ajar pelajar buat kertas, masa buat kertas itu mereka belajar apa, *apply* [aplikasikan] apa. Apply menyukat, menimbang, lepas itu mereka blend, _ gabung, campuran, ada sebatian. Jadi guna konsep sains itu untuk buat produk. Selepas itu, cikgu ajar *research* [penyelidikan], cari maklumat, kajian lepas. Mereka sudah di ajar dengan journal-journal.

NSN : Apakah aktiviti atau program inovasi yang pernah dihasilkan oleh Cikgu

di sekolah?

- HSE : Cikgu ada buat inovasi subjek, bahan bantu mengajar ada Kajian Tindakan contohnya inovasi cikgu. Dulu cikgu buat Kajian Tindakan, lepas itu cikgu ubah jadi inovasi. Pernah lah, wakil Terengganu untuk peringkat Kebangsaan. Inovasi cikgu itu di panggil I'MPOSSIBLE. Cikgu ajar cara mudah membuat lakaran, cikgu buat video dan sebagainya lah. Kalau pelajar tak pandai buat lakaran, mereka ikut *je* [sahaja] *step* [langkah] yang cikgu buat tu, adalah video-videonya. Kemudian, adalah taman-taman di sekolah, untuk bahan pembelajaran. Pertanian kan dia ada belajar, landskap. Jadi, cikgu dah buat semua-semua taman, kolam, ternak ikan semua supaya, mereka nampak benda itu. Bukan tengok dalam buku sahaja. Mereka sendiri jaga pokok dan sebagainya. Selepas itu, inovasi produk banyaklah. Yang paling, menang lah peringkat antarabangsa, ada lebih daripada 6 rasanya dekat 10. Kalau peringkat kebangsaan makanan pernah sampai peringkat kebangsaan, kalau produk makanan, saya belum pernah ke luar negara ataupun antarabangsa. Sampai kebangsaan *je* [sahaja], saya tak berani, saya kena tengok dulu konsep pertandingan. Tapi kalau produk, memang banyaklah. Ke 6 buah negara dah, saya bawa *student* [pelajar] untuk pertandingan inovasi produk _____.
- NSN : **Dan pernahkah Cikgu menyertai program inovasi di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa?**
- HSE : 47 anugerah inovasi peringkat antarabangsa. Antaranya ada *Gold Medal* [pingat emas]. Banyak Gold Medal lah. *Silver* [perak] saya rasa baru 3 antarabangsa, yang lain semua Gold Medal, *Special Award* [Anugerah khas], dan *Grand Award* [Anugerah Utama]. Antara program yang disetai ialah IPITEX 2020 pada 1 – 6 Februari 2020 di BITEC, Bangkok. Seterusnya program Conference ICCI (International Conference on Creativity and Innovation) di Hitel Makasan, Bangkok Thailand. Selain itu, pada tahun 2018 program peringkat antarabangsa yang pernah disertai adalah i-ENVEX 2018 (International Engineering Invention & Innovation Exhibition di UniMAP, Perlis mendapat pencapaian pingat emas.

Program WYIE (Worls Young Inventors Exhibition) di KLCC Kuala Lumpur dan mendapat pencapaian pingat emas. Program IYSE 2018 (International Young Scientist Exhibition) di UNITEN Bangi, Selangor dan mendapat pencapaian pingat emas. Program INOVA 43rd International Invention Show di Zagreb, Crotiaa dan mendapat pencapaian 2 pingat emas dari pengajur, 1 special award dari WIIPA (World Invention Intellectual Property Association) serta 1 special award dari JSC NIAS Russian Railways Station dan Best Award Invention of Asia. Terdapat banyak lagi program yang disertai di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

- NSN : Apakah cabaran ketika penghasilan inovasi tersebut?**
- HSE : Seperti biasa,kekangan masa, kewangan, kemampuan murid. Kekangan masa sebab *student* [pelajar] ini petang *je* [sahaja] boleh buat kerjakan. Petang kita nak rehat juga kan kadang ke malam. Masa bertambah lah, kewangan bukan senang lah nak pergi mana-mana. Nak minta duit mana-mana. Kadang-kadang memang duit sendiri banyaklah. Kemampuan murid macam tadi saya kata. Bukan semua mudah lah kita nak bimbing.
- NSN : Apakah keberkesanan inovasi yang Cikgu hasilkan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran?**
- HSE : Inovasi, contoh lah yang saya buat inovasi lakaran tadi memang cepatlah murid dapat melakar dengan cemerlang. Dan inovasi-inovasi itu, yang lepas-lepas itu boleh membantu murid dapat idea untuk murid baru pula. Dia nampak *je* [sahaja] abang-abang dia buat benda itu, dia dapat mudahlah nak *upgrade* [naik taraf] produk yang sudah direka orang lain itu.
- NSN : Pada pendapat Cikgu bagaimakah seorang guru itu boleh melaksanakan inovasi dalam pengajarannya?**

- HSE : Banyak cara, memang bila ada masalah masa mengajar, dari situlah sepatutnya timbul idea inovasi untuk mengatasi masalah itu. Reka lah sesuatu inovasi. Jadi, memang inovasi daripada masalah. Budak tidak pandai mengira, cikgu kena reka lah macam mana budak boleh mengira dengan mudah. Itulah inovasi masa mengajar.
- NSN : Selain itu, adakah Cikgu pernah menyertai program-program selain daripada program inovasi?**
- HSE : Banyaklah, bengkel, kem, lawatan, kursus, forum. Tahun 2020, program antarabangsa yang cikgu uruskan selain daripada pertandingan ada 14. Antarabangsa sahaja. Ada yang inovasi, forum, banyaklah yang cikgu uruskan. Antara program lain yang disertai ialah Global Collaborative Classroom (GCC) Siri 1 (Inovasi), Siri 2 (Tahsin Al Quran), Siri 3 (Bahasa Arab) dan Siri 4 (Matematik). Program tersebut adalah kolaborasi antara SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin dengan Perguruan Surya Buana, Malang, Indonesia. Selain itu, menjadi panel Forum I2Create pada 12 – 14 April 2019 di Hotel Pasifik, Kuala Lumpur. Seterusnya menyertai Seminar The 1st Strenghtening Science Education for High School Talented Students, KVIS17 pada 19 Januari 2020 di Rayong, Thailand. Membentangkan Amalan Terbaik bertajuk “The Future of Students is Our Responsibility: Reality and Expectation” di Thailand International Science Fair pada 7 – 12 Januari 2019 di Mahidol Wittayanusorn School.
- RN : Cikgu jadi AJK [Ahli Jawatankuasa] ke?**
- HSE : Tukang reka [pencipta idea program]. Sambil ketawa berkata tukang reka program tu. Tukang urus, orang lain ikut je.
- NSN : Bagaimanakah perasaan dan harapan Cikgu semasa menyertai program-program tersebut?**

- HSE : Sebelum berlangsung memang berdebar, takut tidak berjaya, tapi alhamdulillah okay semua dan *feedback* [maklum balas] memang baik.
- NSN : **Dan apakah cabaran yang dihadapi apabila menyertai program-program tersebut?**
- HSE : Sama seperti tadi, masa, kewangan, kerjasama ada juga. Buat benda baru, susah nak bimbing orang lain.
- NSN : **Bagaimanakah rakan-rakan sekerja Cikgu daripada mula bekerja sehingga sekarang**
- HSE : Biasa lah ada positif ada negatif. Biasa, bila keluar memang hadapi benda itu. Kita buat benda comel pun orang tak suka. Buat benda baguskan. Benda *molek* [bagus], yang penting, kakak saya selalu pesan, biarkan benda itu, kalau mengajar budak suka. Buat sesuatu budak suka, rakan sejahtera ada yang suka dan sekolah dapat impak. Murid sendiri dapat impak. Jadi untuk Anugerah Princess ni adalah orang kata, “Kenapa saya dapat, anugerah itu” kerana setiap program yang saya buat itu impaknya ramai orang dapat. Bukan hanya murid, staf, rakan sekerja. Sekolah memang banyak lah, dapat berbagai anugerah. Sebab itulah dia kata, “Kemenjadian murid tu”. Itu *je* [sahaja] tip-tip sikit kenapa mereka pilih saya. Sebab mereka soal selidik, *interview* [temu ramah] pelajar. Bukan hanya saya *present* [bentang] semua-semua.
- NSN : **Apakah gaya kepimpinan yang Cikgu selalu amalkan dalam PdP?**
- HSE : Saya selalu bim- latih murid ini menjadi pemimpin dengan dia membimbang rakan. Semua mesti bantu, mereka tak boleh biarkan kawan dia dapat markah rendah. Saya nak markah biar lebih kurang sama. Dalam kelas itu kalau, tidak mahu seorang, dua tiga orang sahaja yang dapat A, kalau boleh ramai dapat A. Jadi, kalau dia boleh membimbang orang lain, dia seorang pelajar yang bagus. Boleh jadi pemimpin.

- NSN : Apakah matlamat peribadi Cikgu sebagai seorang guru sekolah?**
- HSE : Matlamat saya satu, yang pertama mengajar dengan mudah, membantu murid cemerlang, cemerlang dalam semua segi.
- NSN : Apakah prinsip hidup Cikgu sebagai pendidik?**
- HSE : Yang ini, jadi murobbi lah, jangan jadi cikgu *je* [sahaja]. Pendidik. Pendidik ni membimbang semua. Tengok akhlak dia semua, itu maksud dia. Jangan ajar *je* [sahaja]. Ada setengah itu syok mengajar depan kelas, mengajar sahaja, budak tidur dia biar sahaja. Jadi syok sendiri. Jangan begitu, okay. Penglibatan murid kena ada. --- Itu yang saya kata tadi, saya tidak boleh tengok budak pendiam, budak yang malu-malu, budak *tak* [tidak] keluar suara, memang kena (sambil ketawa). Dan saya selalu beri jawatan seba- ketua kumpulan kepada murid yang agak lambat sikit ni. Lepas itu mereka buat kerja kita puji banyak-banyak.
- NSN : Pada pendapat Cikgu adakah nilai kepimpinan guru bagi seorang guru?**
- HSE : Ya, memang dah.
- NSN : Apa pandangan Cikgu berkenaan cabaran yang dihadapi oleh guru di sekolah sebagai professional?**
- HSE : Cabaran dia macam yang guru-guru lain katalah, “Guru perlu buat kerja perkeranian”. Kerja kerani masukkan data-data itu, itu memang mengganggu persediaan dan tugas mengajar guru. Kalau boleh kurangkan lah. Sebab itu penting adanya pembantu guru.
- NSN : Boleh Cikgu kongsi cabaran dihadapi oleh cikgu di sekolah sebagai professional?**

- HSE : Kadang kadang pengurusan sekolah tidak memahami tugas guru. Saya tak *reti* [pandai] dah nak bagitau macam mana. --- Sebab bila dah menang anugerah Princess ini, dia dah macam satu jawatan, satu tugas lain, selain dari mengajar, dia banyak program yang perlu kita ikuti yang dianjur oleh Yayasan Princess ini. Contohnya yang untuk *student* [pelajar] tu memang setiap tahun ada program.
- NSN : **Bagaimanakah Cikgu membahagikan masa di antara keluarga dan kerjaya?**
- HSE : Kena banyak berkorban masa , kerja lebih masa. Cikgu tak jalan mana, kurang. Nak pergi mana-mana memang terbatas sikit lah.
- NSN : **Tidak lupa juga, bolehkah Cikgu berkongsi rahsia kejayaan Cikgu untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan agar boleh dijadikan panduan bagi kami semua yang masih bergelar seorang pelajar?**
- HSE : Tadi cikgu sebut dah. Yang panjang tadi. Rahsia kejayaan cikgu. Nanti saya share jelah ayat-ayat ni balik. Antaranya, mestilah rajin, bersemangat, patuh, baik dengan keluarga dan sebagainya.

TAMAT BAHAGIAN 3

BAHAGIAN 4: ANUGERAH TOKOH

RN : Bagaimanakah Cikgu memperoleh Anugerah Princess Maha Chakri daripada Negara Thailand?

HSE : Cikgu dicalonkan oleh PPD [Pejabat Pendidikan Daerah] Kuala Terengganu – seterusnya oleh JPN Terengganu. Cikgu *tak* [tidak] tahu pun anugerah itu anugerah apa. Tahu tak cikgu diminta isi dalam masa 2 hari. Cikgu, PPD, Timbalan PPD telefon, “Cikgu,-- isi borang ni” lusa 3 hari, 2, dia kata “*Kekgi* [nanti] hantarlah”. Okay jadi, saya kata “Banyak, banyak ni. Sijil saya, inovasi sahaja ada beratus” macam mana saya nak scan nak itu lagi, nak *binding* [mengikat] semua. “*Takpe* [tidak apa] buat *je* [sahaja], sebab itu banyak kita suruh masuk ni” dia kata gitu [begitu]. _ Tengok nama anugerah *dok* [tidak] tengok lagi cerita anugerah itu anugerah apa, buat dulu apa dia suruh buat. Buat dokumentasi 2 salinan, saya nak cepat saya upah kedai untuk *scan* [imbas], *print* [cetak], 2 tebal macam tu (menunjuk bayangan) fail putih itu kan. Selepas itu banyak lagi, perlu mengarang sikit-sikit. Kemudian - video, buat video pula. Hantar borang, “Cikgu nak video, hah? buat video pula”. Balik, *takpe* [tidak apa] tidak tidur pula malam itu buat video, esok pergi hantar pula. Itulah cerita dia.

RN : Dana adakah anugerah tersebut merupakan anugerah yang paling tertinggi Cikgu pernah peroleh?

HSE : Ya. Untuk antarabangsa--, benar, kerana walaupun sudah banyak anugerah inovasi tapi *tak* [tidak] sama, sebab Anugerah PMCA ini mengiktiraf sumbangan dalam semua bidang daripada awal berkhidmat. Selain itu, kerana nilai hadiah yang amat prestige dan proses pemilihan yang makan masa yang lama. Dia, seluruh Malaysia ya, cikgu. Dia tapis tu sehingga cikgu menjadi 4 orang finalis peringkat akhir--. Okay, selepas itu hadiah dia memang tinggi la, nilai dia. Cikgu dapat duit sepuluh ribu dolar [\$10,000]. Selepas itu, dapat ini, pingat ini-- (menunjukkan pingat beliau). Brooch ni, emas ni, emas tulin ni

(ketawa), selepas itu dapat medal, dapat plak besar (menunjuk gaya). Kemudian, adalah sijil-sijil lain tu anugerah lain tu. Kemudian, cikgu juga masa pergi ambil anugerah tu naik *flight* [penerbangan], duduk depan sekali-panggil *hot seat* [tempat duduk vip] Air Asia sebab Yayasan tu bergabung dengan Air Asia. Pernah cikgu- anak sedara kata, masa saya balik tu gambar saya ada dalam iklan yang dekat *Airpot* [lapangan terbang] Air Asia. Dia macam ada kerjasama la dengan Yayasan Princess tu. Okay, jadi anugerah tu kira besar lah, amat besar *kejut* [terkejut] juga (ketawa).

NSN : Pada tahun bilakah Cikgu menerima anugerah tersebut?

HSE : 2017

RN : Bagaimanakah Cikgu dicalonkan untuk memperoleh anugerah tersebut?

HSE : Tadi lah. Dia telefon *je* [sahaja] saya. Tuan Timbalan PPD (Pejabat Pelajaran Daerah) telefon dalam kereta, masa tu saya *on the way* [dalam perjalanan] ke sekolah untuk *meeting* [perjumpaan], balik semula, pergi ambil borang, ke dia email (berfikir) saya tidak ingat dah. Itu *je* [sahaja] lah. Tapi tidak sempat hendak cari apa pun benda apa -- saya buat je borang. Selepas dapat jadi finalis tu baru saya tengok, eh bukan selepas finalis, ke 2, 3 minggu selepas itu baru saya tengok (berfikir) besarnya anugerah ini, saya pun buka laman web.

RN : Cikgu 4 orang finalist itu daripada semua negeri dalam Malaysia ke?

HSE : Ya. Ada seorang dari Selagor ke Putrajaya (berfikir), 2 orang dari Kuantan dan saya Terengganu, 4 orang._ Dia kata, macam anugerah cikgu-cikgu inovasi semua. Saya tanya seorang urusetia tu, dia kata “Cikgu tak *yah* [perlu] tanya banyak lah, rezeki daripada Allah” Cina tu, Nazir Cina [berbangsa Cina]. Cikgu terima *je* [sahaja] lah, bersyukur cikgu dapat (ketawa). Okay sahaja lah, saya pun *tak* [tidak] terkata apa lah. Malas nak tanya dah (ketawa).

RN : Dan bagaimanakah kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk pencalonan anugerah tersebut?

HSE : Dia kata, mesti guru tetap. Selepas itu, beri banyak sumbangan dan banyak kejayaan, banyak anugerah. Selepas itu, ada benda yang lain lah, benda yang kita buat itu istimewa sikit lah. Selepas itu, kemenjadian murid. _ Anugerah itu bukan cikgu sahaja dapat anugerah itu, orang lain dapat juga. Cikgu menang inovasi katakan, selepas itu siapa lagi dapat. Saya selalu bagi sijil pada orang lain, buka sijil itu untuk saya sahaja.

RN : Apakah cabaran yang Cikgu hadapi sepanjang proses untuk mendapatkan anugerah tersebut?

HSE : Selepas mendapat *info* [maklumat] terpilih menjadi finalis, persediaan lah untuk lawatan verifikasi itu. Memang mencabar, kena sediakan bukti dengan lengkap. Bayang _ orang lama kan, cari gambar-gambar masa sukan semua tu, buat video semua, buat persembahan, selepas itu, kena mengajar. Satu jam mengajar, satu jam lagi kena *present* [bentang]. *Present* [bentang] apa kita buat, akitiviti kita, buat pameran. Tunjuk dokumentasi semua. --- Macam orang lain, 2, 3 orang cikgu jawatankuasa kan, kena buat nak siapkan bilik cikgu seorang. Cikgu _ _, adalah seoarang dua cikgu tolong, pekerja lah ramai tolong cikgu dengan *student* [pelajar] -- inovasi.

RN : Boleh Cikgu ceritakan perasan Cikgu ketika menerima anugerah tersebut?

HSE : Rasa teruja, sedih juga, rasa terharu _orang panggil. Bahasa baku terharu kerana dipilih oleh panel penilai. Masa itu *dop* [tidak] percaya lagi. Eh lah, ya

ke wakil Malaysia (ketawa). Selepas itu, sebab urusetia kata, “Cikgu terpilih daripada lebih kurang *empat ratus ribu* [400,000] guru seluruh Malaysia”. Dia bukan guru sahaja, termasuk Pensyarah IAB (Institut Aminuddin Baki), Pensyarah Maktab, Pengetua, pengurusan sekolah, bukan cikgu sahaja. Kemudian, gembira lah dapat menaikkan imej sekolah, negeri, agama lah, sekolah agama kan, tak percayalah, cikgu sekolah agama. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) kata, “Cikgu masuk sekali sudah lekat. Ada cikgu lain masuk tak lekat-lekat, wakil Terengganu”.

- RN : Bagaimakah reaksi keluarga dan rakan-rakan sekerjaya Cikgu apabila mendapat tahu Cikgu menerima anugerah tersebut?**
- HSE : Reaksi keluarga gembira, bersyukur. Rakan-rakan ramai kata, ini macam me-cikgu kiranya memetik buah lah, dia kata. Sebelum ini cikgu tanam -- sekarang ini dapat buah.
- RN : Dan apakah perkara paling diingati semasa Cikgu ke Negara Thailand untuk menerima anugerah tersebut?**
- HSE : Tadi cikgu katakan, dalam- start naik kapal terbang tu, sudah rasa dah duduk *hot seat* [tempat duduk vip] lepas itu dapat makanan, mewah lah daripada Terengganu sampai KL lepas itu turun ke Bangkok pula, selepas itu sampai dekat lapangan terbang sana siap disambut, ada *Personal Assistance* (PA) [pengawal peribadi] sambut kita. Setiap program tu ada PA- License Officer (LO) dia panggil. Setiap pemenang ada LO. Mahu pergi mana-mana, nak angkat beg –bawa beg galas kita *je* [sahaja] semua dia bawa *belaka* [semua]. Selepas itu, duduk hotel besar-- (gambaran) sangat-sangat biliknya, Santara Grand Hotel di tengah-tengah bandar pusat Bangkok tu. Hotel di situ ada ‘Bangkok Convention Center’. --- Setiap program di urus oleh mereka

sehingga sampai sekarang ini pun, kalau ada program mereka semua tanggung *belaka* [semua], penerangan dan sebagainya. Pergi forum kan, cikgu ada 2 kali, cikgu pergi – mengikuti forum, 1 sebagai pembentang 1 sebagai peserta. Semua mereka tanggung.

- RN : Daripada hasil inovasi Cikgu yang telah sampai ke negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Bolehkah Cikgu sebutkan anugerah/kejayaan lain yang pernah Cikgu peroleh?**
- HSE : Oh ni banyak ni. Saya cerita yang besar-besarkan sikit. Cikgu dapat pingat anugerah pingat perkhidmatan cemerlang. Jadi, tadi Anugerah Princess kan, cikgu Terengganu pertama. Selepas itu, pingat ini pun berapa orang baru cikgu Terengganu dapat Pingat Perkhidmatan Cemerlang ini. Dia kejayaan cikgu itu sendiri. Maknanya bukan nya kita bawa pelajar ke, mengirim ke, cikgu sendiri *present* [bentang]. Contoh cikgu *present* [bentang] dekat ‘Crotia’, cikgu sendiri *present--* [bentang] produk, sehingga dapat ‘Best Invention of Asia’. Cikgu sendiri buat produk, cikgu sendiri *present* (ketawa). Selepas itu, ada lagi lah cikgu bentang-bentang dekat forum mana-mana kan. Jadi benda itu dinilai. Sukan kan cikgu sendiri main kan, cikgu bukan pergi bawa budak, jadi benda itu markah-- banyak tu untuk pingat-- perkhidmatan cemerlang. Selepas itu, ada 1 lagi, cikgu juga jadi guru pertama Negeri Terengganu yang dapat Anugerah Ikon Guru Peringkat Kebangsaan-- ada 60 finalist masa itu. Cikgu tengok macam tadi juga dia ada buat *group* [kumpulan] lah. Akhir-akhir cikgu jadi antara 4 orang Ikon Kebangsaan. Kemudian, ada lagi, cikgu dapat Tokoh Guru Peringkat Daerah. Yang ini pun pelik juga orang kata, sebab tiada lagi guru yang pernah- guru yang sedang berkhidmat mendapat Anugerah Tokoh Guru (ketawa). Cikgu dapat Tokoh Guru Daerah tahun lepas [2019]. Juga tahun ini [2020] cikgu dapat Anugerah Guru Aspirasi Pendidikan, Hari Wanita, Peringkat Negeri. Sebelum itu, Anugerah Exomobil, Anugerah Perkhidmatan

Cemerlang cikgu sudah dapat 6 kali.

RN : Bagaimanakah cabaran untuk mendapatkan anugerah-anugerah lain tersebut?

HSE : Cabaran macam tadi juga, cabaran untuk mendapat anugerah kejar masa lah. Masa – untuk buat-buat ini lah, sebab jadi makan masa untuk isi borang ni sampai pernah saya kata masa itu saya telah isi borang Anugerah Princess, PPD [Pejabat Pendidikan Daerah] suruh isi pula Anugerah Ikon pula, saya kata, “Letih *doh* [udah] isi” “*Takpe* [tidak apa] cikgu, isi” sehingga dapat Anugerah Ikon pula. Itu lah orang luar lah sekarang ni semua, kebanyakan anugerah itu orang luar yang beri borang kepada saya.

RN : Adakah Cikgu berpuas hati apabila anugerah yang diperoleh adalah setimpal dengan usaha yang Cikgu telah curahkan selama ini?

HSE : Ahamdulillah, memang dah. *Tak* [tidak] sangka pun sebab kita buat je kan, kita buat kerja tiba-tiba dapat anugerah okay lah.

RN : Apakah pengalaman paling manis Cikgu semasa menerima anugerah hasil daripada penyertaan program di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa?

HSE : Eh banyak lah ini kan. Pengalaman murid -- contoh la murid mendapat anugerah pelbagai anugerah ada dapat Tokoh Mithali, Tokoh Kokurikulum, ada dapat soft *skill* [kemahiran] peringkat kebangsaan, dan ada yang paling besar tu Saintis Islam, Program Saintis Islam, Mohd Jannatul Firdaus. Dia berlawan dengan *student* [pelajar] dari Imtiaz, Besut. Akhirnya Jannatul ini menang sebab dia budak inovasi saya kan, markah inovasi dia tinggi dapat lah

tajaan sebagai pemenang Anugerah Saintis Islam sambung pelajaran ke Ireland dalam bidang perubatan sampai peringkat PhD kerana Kerajaan Terengganu tanggung. Masa masuk program itu semua kawan dia masuk, semua budak inovasi masuk tapi dia yang terpilih antara mereka. Sebelum itu pun ada budak inovasi terlibat selepas itu pun ada budak inovasi terlibat dengan program tu. Jadi budak inovasi memang kiranya calon utama lah orang pilih dulu kalau kita dapat. Saya selalu kata kepada *student* [pelajar], “Kalau awak ikut *team* [kumpulan] inovasi kalau awak dapat 10A ka- orang lain dapat 10A juga, orang akan pilih awak dulu” jadi kalau *tak* [tidak] kuat akademik pun orang akan pilih dulu budak inovasi sebab dia memang jadi macam orang nampak dah keistimewaan dia tu, sebab bila dia terlibat dengan inovasi dia boleh menjadi pembentang, bergaul dengan orang memang dia boleh *mingle around* [bergaul] jadi pelajar yang berani kan. Dia lain, boleh membimbangi orang lain.

TAMAT BAHAGIAN 4

BAHAGIAN 5: SUMBANGAN TOKOH

- RN : **Apakah sumbangan terbesar Cikgu dalam bidang pendidikan terutama sekali dalam mata pelajaran utama yang Cikgu mengajar?**
- HSE : Saya juga adalah panel membina modul -- untuk Sekolah Imtiaz modul subjek kemahiran hidup dulu, memberi ceramah subjek kepada sekolah lain. Selepas itu, pernah bentang kajian tindakan. Jadi *dah* [sudah] diterbitkan dalam buku ‘Konvensyen Kajian Tindakan Sekolah Berprestij Tinggi’ di Institut Aminuddin Baki dan cikgu pernah capai pingat perak pada tahun 2015.
- RN : **Dan sumbangan Cikgu kepada murid-murid dan sekolah-sekolah yang pernah Cikgu mengajar?**
- HSE : Saya berjaya bimbing murid mengekalkan prestasi subjek [KHB] Kemahiran Hidup Bersepadu 100 peratus A, ada banyak tahun lah. Selepas itu, membangunkan bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu [KHB], RBT [Reka Bentuk Teknologi] di setiap sekolah. Cikgu kerja *gitu* [macam itu] membangunkan bangu- bilik.
- RN : **Sebagai seorang Ketua Panitia Reka Bentuk & Teknologi apakah sumbangan Cikgu untuk membantu pelajar dan guru dalam bidang ini?**
- HSE : Sebagai seorang Ketua Panitia sumbangan membantu pelajar membantu menguruskan pembelian alatan, bahan projek, alatan bengkel. Tujuannya memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan berkesan. Selepas itu, satu lagi memang lah kena urus kan fail-fail dokumentasi. Itu tugas Guru Panitia.
- RH : **Selain itu, apakah Cikgu rasa sumbangan tertinggi yang pernah Cikgu sumbangkan untuk masyarakat dan negara melalui bidang pendidikan ini?**
- HSE : Ini kerja luar eh. Cikgu dilantik sebagai Pakar Rujuk Inovasi Peringkat

Kebangsaan untuk sekolah-sekolah agama. Bukan sekolah agama pun ada cikgu negeri lain yang minta pendapat cikgu minta bimbingan. Ahli seumur hidup Exco MyRIS. MyRIS ini Malaysian Research and Innovation Society. Dia NGO [Non Government Organization] under UniMAP [Universiti Malaysia Perlis]. Cikgu jadi Exco dan juga Chapter Negeri Terengganu. Jadi telah cikgu berjaya dah bimbing beberapa guru daripada sekolah lain, negeri lain ada daripada Sarawak. Sekarang ini *dah* [sudah] hebat cikgu tu. Mereka-mereka ini panggil cikgu sifu lah, cikgu sifu (ketawa). Bimbing *online* [dalam talian] *je* [sahaja] (ketawa). Selepas itu, beri ceramah subjek, panel penggubal Buku teks program maya, Program Ulul Albab. Selepas itu, jadi kejayaan ini membantu meningkatkan imej dan KPI [Key Performance Indicator] [Indeks Prestasi Utama] Persatuan T-Confra. Persatuan ini persatuan guru-guru yang ke America yang untuk Program SEM [Schoolwide Enrichment Model]. Jadi banyak kejayaan cikgu tu jadi masuk kejayaan persatuan ini. Sedangkan cikgu *tak* [tidak] pergi America pun (ketawa) cikgu mengajar sahaja SEM. Kemudian, kejayaan MyRIS program MyRIS apa cikgu buat ini kena *upload* [muat naik] lah pada MyRIS. Jadi program dia kan, perkembangan ahli kan. Selepas itu Jabatan PPD [Pejabat Pendidikan Daerah], untuk anugerah-anugerah PPD banyak kejayaan cikgu sentiasa di minta untuk jadi markah lah, markah -- KPI keratan dan juga BPI [Bahagian Pendidikan Islam] KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. Selepas itu kan cikgu kata tadi cikgu banyak urus *event* [program] kan, jadi dalam *event* [program] tu sedia forum maknanya cikgu--di sekolah cikgu, dan cikgu sekolah lain pun boleh masuk. Cikgu *invite* [menjemput], *staf* [kakitangan] jabatan pun ada.

- RN : **Adakah Cikgu rasa sumbangan yang diberikan sepanjang kerjaya Cikgu sehingga kini sudah mencukupi dan apakah perancangan Cikgu untuk sumbangan dalam bidang pendidikan di masa akan datang?**
- HSE : *Dop* [belum] cukup lagi (tertawa). Ingin terus menyumbang walaupun selepas bersara. Antara perancangan cikgu *tak* [tidak] buat lagi, menulis buku. Berangan

ni *nak* [hendak] tulis buku, menulis artikel journal selepas itu dapat berkongsi lah dengan orang lain kan dan tambah baik blog. Blog cikgu lama dah cikgu *tak* [tidak] update.

TAMAT BAHAGIAN 5

BAHAGIAN 6: HARAPAN TOKOH

- RN : **Apakah harapan Cikgu bagi guru-guru lain untuk menjadi seorang guru professional dalam semua aspek?**
- HSE : Harapan bagi guru lain sama rajin cari ilmu, lengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran, jangan cepat puas hati (ketawa).
- RN : **Sebagai seorang alumni UiTM, bolehkah Cikgu berikan sedikit harapan dan nasihat kepada pelajar UiTM yang masih melanjutkan pelajaran?**
- HSE : Tadi saya ulang semula. Disiplin diri, patuh, baik dengan pensyarah, hormat, pandai menghargai *tok* [tuan] guru kita, jangan malu bertanya, rajin __, jangan buang masa *se* [satu] *gi* [lagi], selepas itu kuat beramal. Selalu membantu rakan berkongsi ilmu, kena ingat lah ibu bapa, selalu ingat ibu bapa kita dan selalu ingat Allah sentiasa tengok kita, buat sungguh-sungguh.
- RN : **Apakah harapan Cikgu kepada golongan generasi sekarang yang ingin berkecimpung dalam bidang pendidikan?**
- HSE : Tugas guru ini orang kata kan tugas mulia, kalau kita buat sebaiknya memang mulia lah. Sama kerjaya lain juga. Kalau kita buat kerja buat *dop* [tidak] *molek* [sempurna] *dop* [tidak] mulia juga kan. Doa anak murid itu penting sebab ibu bapa pun membantu doa kan kita. Jadi semua itu menjadi berkah kerja kita sebagai seorang guru. Jadi kalau berminat, kalau nak minat jadi guru amatlah dialu-alukan. Lengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran barulah senang *nak* [untuk] tarik minat murid. --- Macam saya *present* [bentang] di Crotia kan, Prof tu kata kan, masa itu saya bawa *student* [pelajar] saya cadang nak suruh dia *present* [bentang] dulu 2, 3 patah lepas itu saya sambung. *Dop* [tidak] boleh dia kata, cikgu -- *present* lah diri ‘sendiri’ baru nampak “Wah cikgu dia *present* [bentang], patut pun budak-budak dia berjaya”. Saya sahut cabaran itu, saya *present* [bentang] sendiri produk hari itu. Selepas itu, bila kita banyak

kemahiran ni kita boleh bina keyakinan murid kepada kita. Budak nampak cikgu hebat kan, cikgu pandai ni – “Cikgu boleh buat *belake* [semua]” kan sedap dengar (ketawa). Jadi itu lah, baru budak seronok belajar dengan kita. Selepas itu, membentuk diri jadi guru berjaya. Impak pada murid itu, ingat tu. Impak pada murid, rakan sejawat, warga sekolah dan masyarakat.

RN : Apakah harapan Cikgu terhadap para pendidik dalam menjalankan tugas pada waktu pandemik ini?

HSE : Ah ini, banyak isu kan. Ramai cikgu kita bagus-bagus *belake* [semua] melakukan terbaik untuk anak didik. Ada setengah itu buat ruang studio -- beli macam-macam. Saya guna kan duit - hadiah itu saya beli macam-macam, saya beli *LCD* [pemancar] *laptop* [komputer riba] semua. Selepas itu, saya banyak benda-benda gajet lah. Dalam masa mengajar senang kan. Okay jadi bila pandemik ini, selain daripada buat-buat ruang studio rumah ni ramai cikgu yang buat kelas *online* [dalam talian] semua kan. Bagus-bagus cikgu kita ni. Selepas itu edar soalan pada murid semua. Jadi kekal kan lah benda tu, kekal kan momentum tu. Jadi sekarang bergantung kepada ibu bapa pula lah. Ibu bapa nak tengok anak dia belajar *tak* [tidak]. Jadi mak ayah pula. --- Kalau kekangan gajet pula _ adalah bahagian lain lah pula kan contohnya Kementerian ke, Jabatan ke tolong. Macam sekolah saya tengok, Sekolah Imtiaz, Pengetua dia dengan JPN [Jabatan Pendidikan Negeri] pun ada – eh Pengetua Imtiaz saya nampak pergi beri gajet pada *student* [pelajar] dia yang nak SPM [Sijil Penilaian Menengah] tu kan. Beri laptop beri telefon. Ha itu lah bantuan pada yang miskin lah. --- *Hok* [yang] kaya tiada masalah. Sibuk apa, sibuk main *game* [permainan]. Pagi-pagi *bakpe* [kenapa] tidak masuk kelas, tidur cikgu malam ‘semalam’ main *game* [permainan]. Dah salah guna, nampak tak, cikgu suruh dah. Jadi peranan ibu bapa bukan cikgu sahaja.

RN : Apakah harapan Cikgu terhadap sistem pendidikan di Malaysia?

HSE : Okey, yang ni saya ‘tahu’ ‘tidak tahu’ lah orang setuju ke tidak kata saya ini tapi saya tengok macam tu lah setakat-setakat saya bincang-bincang dengan kawan-kawan. *Tak* [tidak] perlu lah Peperiksaan Pentaksiran Awam banyak-banyak sangat di peringkat sekolah kan. Ni kecik-kecik tu periksa macam sekali dah. Terkenal dah kan kelas malam di Terengganu kan. Kalau orang luar mari kenapa sekolah Terengganu malam-malam cerah je.

RN : **Macam sekolah rendah.**

HSE : Kan, kesian tengok kan. *Sungguh-sungguh ti* [bertungkus lumus] tengah-tengah malam buat kerja lagi. Tumpu kepada pembentukan sahsiah. *Hok* [yang] itu saya tengok. Tumpu dulu benda tu. Agama dia, jati diri dia, akhlak dia. Bina keseronokan datang sekolah tu. Sekarang, apa yang saya perhati kecik-kecik tidur lewat dah untuk buat kerja kan. --- Kemahiran, nak sapu sampah *tak* [tidak] *reti* [pandai], nak buang sampah tidak pandai, nak mengemas. Saya tengah buat kerja kan, buat inovasi apa-apa. Allah susahnya hendak ajar simpan barang ke apa, kan kita buat amali semua. Tengok sampah *tak* [tidak] tahu nak buat apa, *tak* [tidak] kenal pun tu sampah ke apa (ketawa). _ Di Thailand, di Rayong tu, dia jemput Pengetua-pengetua sekolah hebat seluruh dunia. Sekolah-sekolah hebat seluruh dunia, sekolah swasta semua. Dia terap kan benda tu sekolah dia. Sehingga dia kata, “Budak yang cemerlang ni budak yang kalau kita bagi sampah kepada *dia* [itu], dia tahu hendak buat apa pada sampah itu. Ha itu baru budak cemerlang”. Ini nak selesaikan masalah sampah pun tidak pandai. Beri masalah kepada orang pula. Selepas itu, sukar menghargai satu lagi. Tidak pandai nak hargai orang tak boleh. Kita kena ajar budak-budak kita tu. Sukar memberi pertolongan, beri kerjasama jadi lah seperti --- Cikgu dah [sudah] la pening ni, nak tempek [tampal] ni tidak pandai, nak letak benda sini tidak pandai semua cikgu buat semua (tunjuk gaya situasi). Hias kelas, pertandingan kelas cikgu buat kerja banyak kan (ketawa). Jadi, *hok* [yang] itu lah dulu, didik yang itu dahulu.

- RN : **Apakah harapan Cikgu yang masih belum tercapai untuk melahirkan generasi muda yang berkaliber pada masa kini?**
- HSE : Susah nak jawab ini sebab – sebagai seorang Exco MyRIS juga Chapter Terengganu, kan cikgu kata tadi telah berjaya menganjurkan pertandingan inovasi ICTex 2019. Pertandingan sepertama kali di Terengganu seumpama. Jadi, ramai lah orang sokong saya buat semua itu dengan kerjasama PPPIM, UMT, JPNT, PPD. Jadi peserta ramai kata teruskan pertandingan ini. Jadi hasrat saya bersama Prof Che Ruzaidi, *lecturer* [pensyarah] UMT, Dekan Fakulti Kelautan. Dulu dia UniMAP, lepas itu dia Exco MyRIS juga. Dia banyak tolong saya hari tu sebab tahun lepas dia jadi Timbalan Canselor kan, dia banyak guna kepakaran dia tu. Jadi kita buat dekat UMT, anjuran ini bersama MyRIS. Jadi kami cadang lah nak teruskan sehingga ke peringkat antarabangsa. Yangi tu *tak* [tidak] jadi lagi, selain daripada tadi lah buat buku apa tu, buat buku, tulis buku.

TAMAT BAHAGIAN 6

Dengan berakhirnya soalan sebentar tadi maka tamatlah sesi temubual mengenai peranan, pengalaman, dan sumbangan Puan Saripah Binti Embong sepanjang beliau berkhidmat sebagai seorang guru sehingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang kajian sejarah lisan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih

RUJUKAN

Hajah Saripah Binti Embong. (2021, Februari 02). Wawancara bersama Tokoh Pendidikan.

(Raja Nurhafizah Binti Raja Azmi, & Nur Shafika Nadia Binti Norhisam,
Penemubual)

Mohd Zolkepeli, A. R. (1998). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Guru
Cemerlang (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).

Noor, Sufian, "Berapa Jam Kerja Seorang Guru SMA Satu Minggu", Kompas, 2005.

Purba, J., Yulianto, A., Widjanti, E., Esa, D. F. P. U. I., & Esa, M. F. P. U. I. (2007).
Pengaruh dukungan sosial terhadap burnout pada guru. *Jurnal Psikologi*, 5(1),
77-7.

LAMPIRAN

LOG WAWANCARA

Raja Nurhafizah Binti Raja Azmi dan Nur Shafika Nadia Binti Norhisam telah menemubual Hajah Saripah Binti Embong yang dilahirkan pada 18 April 1963. Beliau merupakan seorang guru di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin (SMAASZA) Batu Burok, Kuala Terengganu. Belisu adalah Tokoh Pendidikan yang menerima Anugerah Princess Maha Chakri daripada Thailand. Sesi temubual bersama tokoh dijalankan secara atas talian di ‘Google Meet’ pada 2 Januari 2021.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG TOKOH		
07:00	Latar Belakang Tokoh	Kuala Terengganu.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 2 : SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH		
08:10	Latar belakang pendidikan awal	Sekolah Kebangsaan Pusat Bukit Besar (1970-1975) Sekolah Menengah Panji Alam (1976 – 1980) Sekolah Menengah Padang Midin (1981 – 1982).
09:40	Aktiviti dalam bidang kokurikulum	Kuiz Ping Pong Hoki Bola jaring
10:58	Cita-cita di bangku sekolah	Polis
13:45	Tempat menyambung pelajaran selepas	UiTM Shah Alam

	tamat persekolahan	Guru Kuala Terengganu 1983
18:28	Kursus yang diambil semasa menyambung pengajian di peringkat Universiti	PJJ Diploma Pengajian Perniagaan 4 tahun
19:17	Kelas semasa Pembelajaran jarak jauh	Jumaat Sabtu 8 pagi – 7 malam Hari minggu
20:05	Cara pembelajaran semasa di universiti	Belajar berkumpulan Belajar sendiri Kongsi idea
21:15	Tawaran atau anugerah yang diperoleh semasa di universiti	Key Club
24:52	Kerja sampingan semasa di universiti	Kajian di Lembah Belum Gerik, Perak
41:20	Tahap pendidikan tertinggi semasa melanjutkan pelajara	Ijazah Sains Makanan UMT United Kingdom
42:56	Rahsia kejayaan Hajah Saripah Binti Embong	Rajin, bersemangat, berdisiplin, patuh, baik dengan keluarga

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 3 : SEJARAH DAN PENGLAMAN KERJAYA TOKOH		
45:57	Tahun mula bekerja sebagai seorang guru	15 september 1983
46:00	Sekolah pertama beliau mengajar.	SMA Khairiah Kuala Terengganu.

47:10	Dorongan untuk menceburi bidang perguruan	Ahli keluarga
47:38	Tempoh mengajar dalam bidang perguruan	37 tahun
48:07	Sekolah yang pernah mengajar	SMA Khairiah Kuala Terengganu (1983-1990) SMA Marang (1991-1996) SM Imtiaz Kuala Terengganu (1997-2017) SM Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin (2018-sekarang)
52:46	Senarai jawatan yang telah disandang sepanjang tempoh perkhidmatan	Ketua Bidang Kemahiran Hidup Guru Cemerlang Setiausaha Makmal Komputer Setiausaha Unit Dokumentasi Sekolah Setiausaha Unit Penyelenggaraan Penyelaras Kokurikulum Pengarah Projek PMR Penyelaras Galeri Sekolah Penasihat Kelab Komputer Penasihat PPIM Persatuan Bulan Sabit Merah Jurulatih Ping Pong, Bola Jaring, Bola Tampar, Nasyid, Warden asrama
55:52	Jawatan yang paling lama pernah pegang sepanjang menjadi seorang guru	Ketua Bidang 6 tahun
57:51	Mata pelajaran utama yang diajar	Kemahiran Hidup / RBT Sains

58:24	Mata pelajaran paling mencabar untuk mengajar	RBT
59:09	Cara penyampaian beliau semasa proses PdP berjalan	Fun Learning Project Problem Based Learning
1:02:31	Aktiviti atau program inovasi yang pernah dihasilkan di sekolah	Kajian tindakan Inovasi I'MPOSSIBLE Inovasi subjek Inovasi produk
1:04:37	Program inovasi di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa	IPITEX 2020 Program Conference ICCI i-ENVEX 2018 Program WYIE Program IYSE 2018 Program INOVA di Zagreb, Crotia WIIPA JSC NIAS Russian Railways Station
1:05:14	Cabarannya ketika penghasilan inovasi	Kekangan masa Kewangan kemampuan murid,
1:07:02	Program yang pernah disertai daripada program inovasi	Bengkel, Kem, Lawatan, Kursus, Forum Global Coolaborative Classroom Seminar the 1 st Strengtening Science Education for High School Talented Students, KV1S17 “The Future of Students is Our Responsibility: Reality and Expectation”

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 4 : ANUGERAH TOKOH		
1:20:27	Anugerah yang paling tertinggi pernah peroleh	Anugerah Princess Maha Chakri Thailand
1:22:19-	Tahun penerimaan anugerah APMC	2017
1:23:59	Kriteria – kriteria untuk pencalonan anugerah tersebut	Guru tetap Banyak sumbangan dan kejayaan.
1:24:34	Cabaran yang dihadapi sepanjang proses untuk mendapatkan anugerah tersebut	Lawatan verifikasi Video Persembahan Pembentangan
1:28:10	Anugerah yang pernah di perolehi di peingkat negeri, kebangsaan dan antarabangs	Anugerah Ikon Guru Kebangsaan Anugerah Tokoh Guru Peringkat Daerah Anugerah Aspirasi Pendidikan Anugerah Exomobil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (6 kali)

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 5 : SUMBANGAN TOKOH		
1:34:16	Sumbangan terbesar dalam bidang pendidikan	Panel membina modul Ceramah Subjek Kajian Tindakan diterbitkan dalam Buku Konvensyen Kajian Tindakan Sekolah Berprestasi Tinggi di Intitut

		Aminudin Baki 2015
1:34:36	Sumbangan kepada murid dan sekolah	Prestasi Subjek KHB 100% A Bengkel KHB/RBT
1:35:35	Sumbangan tertinggi yang pernah disumbangkan untuk masyarakat dan negara	Pakar Rujuk Inovasi Peringkat Kebangsaan Ahli seumur hidup Exco MyRIS Exco Chapter Negeri Terengganu Ceramah subjek, inovasi. Penggubal buku teks maya Program Ulul Albab

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
BAHAGIAN 6 : HARAPAN TOKOH		
1:39:01	Harapan dan nasihat kepada pelajar UiTM yang masih melanjutkan pelajaran	Disiplin diri Patuh Baik dengan pensyarah Hormat Rajin Jangan buang masa Bantu rakan Kongsi ilmu
1:47:00	Harapan yang masih belum tercapai	Sambungan pertandigan ICTex 2019 PPIM, UMT, FPNT, PPD Prof. Che Ruzaidi Hasilkan buku

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
1.24 pm	06 Dis 2020	Berbincang melalui ‘whatsapp’ dengan tokoh mengenai tujuan temubual ini dan menghantar surat rasmi kepada tokoh berkaitan proses temubual.	Menyediakan dokumen surat rasmi daripada fakulti yang perlu dihantar.
1.35 pm	06 Dis 2020	Berbincang dengan tokoh mengenai tarikh temubual melalui ‘whatsapp’.	Mengcadangkan senarai tarikh temubual.
2.18 pm	30 Dis 2020	Pengesahan tarikh, waktu, platform dan tempoh temubual melalui ‘whatsapp’ dan menghantar soalan temubual kepada tokoh.	Pengesahan tarikh, waktu, platform dan temubual dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Penghantaran soalan temubual.
5.18 pm	1 Jan 2021	Pertanyaan berkaitan soalan temubual oleh tokoh melalui ‘whatsapp’.	Menjawab soalan yang ditanya oleh tokoh.
9.00 am – 11.00 am	2 Jan 2021	Perjumpaan pertama untuk mula temubual bersama tokoh melalui platform ‘Google Meet’.	Menyediakan dan memberi tokoh link ‘Google Meet’ untuk sesi temubual.

SENARAI SOALAN

HAJAH SARIPAH BINTI EMBONG

- PENERIMA ANUGERAH PRINCESS MAHA CHAKRI-
(TOKOH PENDIDIKAN)

SOALAN-SOALAN TEMUBUAL BERSAMA HAJAH SARIPAH BINTI EMBONG

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Bolehkah Cikgu ceritakan latar belakang Puan?

Nama penuh:

Tarikh lahir:

Tempat lahir:

Tempat tinggal:

Asal:

2. Berapakah umur Cikgu sekarang?
3. Siapakah nama ibu dan ayah Cikgu?
4. Berapakah bilangan adik beradik Cikgu?
5. Puan anak ke berapa dalam bilangan adik beradik?

BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TOKOH

1. Bolehkah Cikgu ceritakan latar belakang pendidikan awal Cikgu ketika di sekolah rendah dan sekolah menengah?

Nama sekolah rendah dan tahun persekolahan

Nama sekolah menengah dan tahun persekolahan

2. Bagaimanakah pencapaian Cikgu semasa di peringkat sekolah?

Akademik (Result PMR dan SPM)

Kokurikulum

3. Setiap pelajar mempunyai cita-cita. Apakah cita-cita Cikgu semasa di bangku sekolah?
4. Apakah kenangan manis dan pahit sepanjang zaman persekolahan?
5. Selepas menamatkan zaman persekolahan, di manakah Cikgu menyambung pelajaran?
6. Adakah Cikgu mendapat latihan perguruan ataupun menyambung pelajaran di peringkat universiti?
7. Dan apakah kursus yang diambil oleh Cikgu sewaktu menyambung pengajian dan berapa lamakah tempoh pengajian Cikgu?
8. Mengapa Cikgu mengambil kursus tersebut pilihan sendiri ataupun keluarga?
9. Bagaimanakah cara pembelajaran Cikgu semasa di universiti?
10. Adakah Cikgu pernah mendapat sebarang anugerah sepanjang pengajian?
11. Adakah Cikgu menerima Biasiswa ketika pengajian di Universiti?
12. Semasa belajar di Universiti adakah Cikgu ada melakukan kerja sampingan diluar dan apakah tujuan Cikgu melakukan kerja tersebut?
13. Semasa bergelar seorang pelajar, apakah cabaran yang dihadapi oleh Cikgu dan bagaimana Cikgu mengatasi cabaran tersebut?
14. Dan impak cabaran tersebut dalam kehidupan Cikgu semasa belajar di Universiti?

15. Bolehkan Cikgu ceritakan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu dan ayah ketika Cikgu dan adik beradik melanjutkan pelajaran?
16. Apakah salah satu ungkapan nasihat yang selalu terukir di bibir kedua ibu bapa Cikgu?
17. Pernah Cikgu mengikuti pembelajaran jarak jauh?
18. Apakah tahap pendidikan tertinggi Cikgu dan adakah Cikgu masih ingin melanjutkan pelajaran?
19. Bolehkah Cikgu berkongsi sedikit rahsia kejayaan dalam bidang akademik sehingga mencapai tahap tertinggi?

BAHAGIAN 3: SEJARAH DAN PENGALAMAN KERJAYA TOKOH

1. Bolehkah Cikgu ceritakan pekerjaan awal Cikgu sebelum menjadi guru?
2. Dimanakah Cikgu bekerja dan pada tahun bilakah Cikgu bekerja ketika itu?
3. Bilakah Cikgu mula menjadi seorang guru dan tahun berapakah Cikgu bekerja pada ketika itu?
4. Dan di sekolah manakah Cikgu mula mengajar?
5. Boleh Cikgu ceritakan pengalaman Cikgu mula-mula bekerja ketika itu?
6. Siapakah yang menjadi dorongan untuk Cikgu menceburi bidang perguruan?
7. Berapa lama Cikgu telah berada dalam bidang pendidikan?
8. Adakah Cikgu masih mengajar di sekolah yang sama atau sudah ditukarkan ke sekolah lain?
9. Dan sudah berapa buah sekolah Cikgu telah mengajar?

10. Jelaskan serba sedikit tentang pengalaman mengajar di sekolah-sekolah lepas dan sekolah sekarang?
11. Nyatakan jawatan yang telah disandang oleh Cikgu sepanjang tempoh perkhidmatan?
12. Apakah jawatan yang paling Cikgu pernah pegang sepanjang menjadi seorang guru dan berapa lamakah Cikgu memegang jawatan tersebut?
13. Apakah cabaran Cikgu ketika memegang jawatan tersebut?
14. Apakah mata pelajaran utama yang diajar oleh Cikgu?
15. Di antara semua mata pelejaraan tersebut yang manakah Cikgu rasa paling mencabar untuk mengajar kepada murid-murid?
16. Bagaimanakah cara penyampaian atau proses PdP berjalan?
17. Apakah aktiviti atau program inovasi yang pernah hasilkan Cikgu di sekolah?
18. Dan pernahkah Cikgu menyertai program inovasi di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa?
19. Apakah cabaran ketika penghasilan inovasi tersebut?
20. Apakah keberkesanan inovasi yang Cikgu hasilkan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran murid?
21. Pada pendapat Cikgu bagaimanakah seorang guru itu boleh melaksanakan inovasi dalam pengajarannya?
22. Selain itu, adakah Cikgu pernah menyertai program-program selain daripada program inovasi?
23. Bagaimanakah perasaan dan harapan Cikgu semasa menyertai program-program tersebut?
24. Dan apakah cabaran yang dihadapi apabila menyertai program-program tersebut?

25. Bagaimanakah rakan-rakan sekerja Cikgu daripada mula bekerja sehingga sekarang?
26. Apakah gaya kepimpinan yang Cikgu selalu amalkan dalam PdP?
27. Apakah matlamat peribadi Cikgu sebagai seorang guru sekolah?
28. Apakah prinsip hidup Cikgu sebagai pendidik?
29. Pada pendapat Cikgu adakah nilai kepimpinan penting bagi seorang guru?
30. Apa pandangan Cikgu berkenaan cabaran dihadapi oleh guru di sekolah sebagai professional?
31. Bolehkah Cikgu kongsi cabaran dihadapi oleh guru di sekolah sebagai professional?
32. Bagaimanakah Cikgu membahagikan masa diantara keluarga dan kerjaya?
33. Tidak lupa juga, bolehkah Cikgu berkongsi rahsia kejayaan Cikgu untuk berjaya dalam kerjaya dan kehidupan agar boleh dijadikan panduan bagi kami semua yang masih bergelar seorang pelajar?

BAHAGIAN 4: ANUGERAH TOKOH

1. Bagaimanakah Cikgu memperoleh Anugerah Princess Maha Chakri daripada Negera Thailand?
2. Dan adakah anugerah tersebut merupakan anugerah yang paling tertinggi Cikgu pernah peroleh?
3. Pada tahun bilakah Cikgu menerima anugerah tersebut?
4. Bagaimanakah Cikgu dicalonkan untuk memperoleh anugerah tersebut?
5. Dan bagaimanakah kriteria –kriteria yang ditetapkan untuk pencalonan anugerah tersebut?

6. Apakah cabaran yang Cikgu hadapi sepanjang proses untuk mendapatkan anugerah tersebut?
7. Boleh Cikgu ceritakan sedikit perasaan Cikgu ketika menerima anugerah tersebut di Thailand?
8. Bagaimana reaksi keluarga dan rakan-rakan sekerjaya Cikgu apabila mendapat tahu Puan menerima anugerah tersebut?
9. Dan apakah perkara paling diingati semasa Cikgu ke Negara Thailand untuk menerima anugerah tersebut?
10. Daripada hasil inovasi Cikgu yang telah sampai ke negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa, bolehkah Cikgu sebutkan anugerah/kejayaan lain yang pernah Cikgu peroleh?
11. Bagaimanakah cabaran untuk mendapatkan anugerah-anugerah lain tersebut?
12. Adakah Cikgu berpuas hati apabila anugerah yang diperoleh adalah setimpal dengan semua usaha yang Cikgu telah curahkan selama ini?
13. Apakah pengalaman paling manis Cikgu semasa menerima anugerah hasil daripada penyertaan program-program di peringkat negeri, kebangsaan atau antarabangsa?

BAHAGIAN 5: SUMBANGAN TOKOH

1. Apakah sumbangan terbesar terbesar Cikgu dalam pendidikan terutama sekali dalam mata pelajaran utama yang Cikgu mengajar?
2. Dan sumbangan Cikgu kepada murid-murid dan sekolah-sekolah yang pernah Cikgu mengajar?
3. Sebagai seorang Ketua Panitia Reka Bentuk & Teknologi apakah sumbangan Cikgu untuk membantu pelajar dan guru dalam bidang ini?

4. Selain itu, apakah Cikgu rasa sumbangan tertinggi yang Cikgu telah sumbangkan untuk masyarakat dan Negara melalui bidang pendidikan ini?
5. Adakah Cikgu rasa sumbangan yang diberikan sepanjang kerjaya Cikgu sehingga kini sudah mencukupi dan apakah perancangan Cikgu untuk sumbangan dalam bidang pendidikan di masa akan datang?

BAHAGIAN 6: HARAPAN TOKOH

1. Apakah harapan Cikgu bagi guru-guru lain untuk menjadi seorang guru professional dalam semua aspek?
2. Sebagai seorang Alumni UiTM, bolehkah Cikgu berikan sedikit harapan dan nasihat kepada pelajar UiTM yang masih melanjutkan pelajaran?
3. Apakah harapan Cikgu kepada golongan generasi sekarang yang ingin berkecimpung dalam bidang pendidikan?
4. Apakah harapan Cikgu terhadap para pendidik dalam menjalankan tugas pada waktu pandemik ini?
5. Apakah harapan Cikgu terhadap sistem pendidikan di Malaysia?
6. Apakah harapan Cikgu yang masih belum tercapai untuk melahirkan generasi muda yang berkaliber pada masa kini?

INDEKS

B

Bengkel, 30, 31, 35, 46, 61
Bukit Besar, 10, 15, 17, 23, 54, 55

E

Exco, 46, 50, 61

I

Inovasi, 8, 26, 32, 33, 34, 35, 39, 40, 41, 43,
44, 50, 58, 61, 66, 67, 68
Institut Aminuddin Baki, 41, 45

K

Kajian Tindakan, 33, 45, 60
Kemahiran Hidup Bersepadu, 45
kokurikulum, 17, 29

M

MyRIS, 46, 50, 61

P

Panitia, 46, 61, 69
Pembelajaran Jarak Jauh, 20, 21
Pendidikan, 6, 8, 13, 19, 28, 39, 42, 43, 44,
47, 49, 52, 54
Pengetua, 23, 41, 49, 50
PMR, 16, 17, 23, 29, 30, 57, 65
PPD, 39, 40, 44, 47, 51

R

Reka Bentuk dan Teknologi, 31, 32

S

Sains, 17, 18, 24, 32
SPM, 16, 17, 18, 49, 65

U

UiTM, 18, 19, 23, 25, 48, 62, 69
UMT, 11, 20, 21, 22, 23, 25, 51
UniMAP, 34, 46, 51